

Wilayah Ku

MEDIA WARGA KOTA

● BIL 112 ● 23 - 29 APRIL 2021 ● PP19441/12/2018 (035014) ● PERCUMA

www.wilayahku.com.my

@ wilayahku.com.my

f Wilayahku

@akbarwilayahku

Wilayahku

WK TV



ANNUAR (tengah) bersama Ketua Setiausaha KWP, Datuk Seri Rosida Jaafar (duduk kiri) melihat hasil tanaman kangkung yang diusahakan hijrah warrior di Anjung Kelana berhampiran bekas tapak Desa Water Park, Kuala Lumpur.

Ramadan Prihatin sinari hijrah warrior

TRANSFORMASI diri yang dilakukan kelompok hijrah warrior di Pusat Transformasi Gelandangan Anjung Kelana, Kuala Lumpur pastinya mengejutkan banyak pihak terutama mereka yang mengatakan 'gelandangan tidak akan berjaya diubah'.

Seiring Program Ramadan Prihatin yang dianjurkan Kementerian Wilayah

Persekutuan (KWP) pada Isnin lalu, kesemua gelandangan terlibat dilihat ceria dan gembira melakukan aktiviti yang disediakan demi mempersiapkan diri untuk bersama masyarakat lain.

Perubahan yang berlaku itu juga mendapat perhatian Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa yang turut hadir beramah mesra dan

berbuka puasa bersama mereka.

Menurut Annuar, transformasi dan kemajuan yang dicapai kelompok sasar itu memuaskan hati selaras hasrat kerajaan yang mahu memberi nafas baharu iaitu daripada kepompong gelandangan kepada usahawan tani yang berjaya.

"Kemajuan keseluruhan, Alhamdulillah. Kita ada tempat sekarang ini, (mereka) tidak

perlu tidur di tepi jalan dan Anjung Kelana adalah seperti asrama transit," katanya kepada pemberita.

Terdahulu, pada program itu, Annuar turut menyerahkan sumbangan wang tunai dan keperluan harian kepada gelandangan.

BERITA LANJUT DI MUKA 2 DAN 3



Wujud 19,000 pekerjaan, 4,000 berkaitan teknologi maklumat

>>4



COVID-19 cepatkan transformasi Bazar Ramadan

>>9, 10 & 11



Malaysia Prihatin bantu golongan susah
- Zara Zya

>> 17

Teknologi fertigasi, hidroponik berskala besar diwujudkan

Pertanian presisi bantu gelandangan

DARI MUKA DEPAN

NAZWIN NAZRI

SEPERTIMANA konsep pelaksanaan Program Ramadan Prihatin yang sedang dijalankan kerajaan, kumpulan *hijrah warrior* atau gelandangan yang berusaha mengubah diri, tersusun dibantu dalam segenap aspek.

Selepas fasa pertama iaitu berkonseptkan ‘makan gaji’, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) mewujudkan pertanian bandar untuk diusahakan golongan berkenaan.

Justeru, melihatkan transformasi positif yang berlaku, Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa mengumumkan inisiatif baharu bagi memperkasakan kelompok sasar terlibat supaya tersusun menjadi usahawan tani berjaya.

Menurut Annuar, kementeriannya akan mewujudkan pertanian presisi (precision farming) berskala besar menggunakan teknologi

CAKNA GELANDANGAN DI WILAYAH PRIHATIN

moden seperti fertigasi dan hidroponik di dalam sebuah bangunan di Putrajaya, tahun ini.

Beliau berkata, pada masa ini, pihaknya sudah mendapatkan kelulusan bangunan daripada Perbadanan Putrajaya (PPj) bagi melaksanakan pelaburan bernilai jutaan ringgit itu.

Ujar beliau, pengusaha (syarikat) bagi kaedah baharu itu juga sudah diperoleh dan pihaknya sedang meneliti kaedah untuk pelaksanaannya secara besar-besaran.

“Kebun bandar adalah model percubaan, ia tidak mudah tetapi kita cuba. Jadi kita kena tambah baik model ini dan jadikannya secara komersial kerana terdapat pelbagai kaedah pelaksanaan.

“Barangkali secara fertigasi atau hidroponik lebih sesuai dan kita mahu buat pada skala komersial.



PENGHUNI Anjung Kelana mengusahakan pertanian bandar di bekas tapak Desa Water Park, Taman Desa, Kuala Lumpur.

sial. Ia akan dilakukan di dalam sebuah bangunan dan terbesar di Malaysia,” katanya selepas mengendarkan sumbangan kepada *hijrah warrior* sempena Ramadan Prihatin di Pusat Transformasi Gelandangan

Anjung Kelana pada Isnin.

Mengulas lanjut berkenaan pertanian presisi yang direncanakan itu, Annuar berkata, kaedah tersebut akan menjadi program terbesar di Malaysia.

PELUANG KERJAYA HIJRAH WARRIOR DALAM PERTANIAN

Dalam pada itu Annuar turut memaklumkan, tawaran pekerjaan bagi konsep pertanian baharu itu akan mengutamakan golongan gelandangan berbanding pekerja asing.

Tegas beliau, langkah itu membolehkan mereka mendapatkan pendapatan harian di samping mengekang daripada terjerumus semula dalam kehidupan jalanan.

“Dari pada ambil pekerja asing lebih baik ambil gelandangan. Tetapi yang melabur itu kena usahawan,” ujar beliau. WK

Imbas kod
QR
untuk
tonton
video
berita ini.



Stor Perbadanan Putrajaya di Presint 20 penuhi konsep komersial

MENYAHUT seruan Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa yang mahu mewujudkan pertanian presisi berskala besar, Perbadanan Putrajaya (PPj) menyediakan ruangan khas di stor miliknya di Presint 20.

Perkara itu dimaklumkan Presiden PPj, **Datuk Muhammad Azmi Mohd Zain** yang turut menyambut baik perancangan Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP).

Menurut beliau, pada masa ini, PPj telah mengemukakan



MUHAMMAD AZMI

anggaran harga sewaan kepada pihak yang berminat dan masih menunggu maklumbalas.

“Ia akan diadakan di stor Perbadanan Putrajaya Presint 20 dan kita menunggu maklum balas dari pihak berkenaan (pelabur).

“Pelabur yang terlibat bagi projek ini adalah satu syarikat swasta,” katanya ketika dihubungi *Wilayahku*.

Mengulas lanjut berkenaan pertanian presisi itu, Muhammad Azmi memberitahu, konsep pertanian yang diutarakan Menteri

Wilayah Persekutuan adalah pertanian moden berdasarkan ‘internet of thing’ (IOT).

Jelas beliau, ia akan berdasarkan teknologi maklumat dan peralatan moden.

Sebelum ini, Annuar menyatakan KWP akan mewujudkan pertanian presisi (precision farming) berskala besar yang menggunakan teknologi moden seperti fertigasi dan hidroponik di Putrajaya, tahun ini.

Tawaran pekerjaan bagi konsep pertanian baharu itu juga akan mengutamakan kelompok gelandangan berbanding pekerja asing bagi membolehkan mereka menjana pendapatan. WK



STOR PPj Presint 20 yang akan dijadikan lokasi pertanian presisi.

KWP bantu gelandangan jadi usahawan tani berjaya

DIANA AMIR

HANYA menggunakan tanah seluas 82,000 kaki persegi di bekas tapak Desa Water Park, 64 gelandangan yang menetap sementara di Pusat Transformasi Gelandangan Anjung Kelana, Kuala Lumpur berjaya menuarkannya kepada kawasan pertanian bandar.

Ia sekali gus menjadikan pembangunan kebun menerusi Program Bantu Gelandangan 2.0 akan meningkatkan taraf hidup gelandangan terlibat.

Kementerian Wilayah Persekutuan dalam satu kenyataan memaklumkan, inisiatif yang dilakukan dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) adalah untuk memberi pekerjaan dan membolehkan gelandangan menjana pendapatan sendiri.

“Pada peringkat awal, antara tanaman kontan sedia ada, tanaman yang dirancang adalah timun (fertigasi), sayur buah (bendi, kacang buncis), sayur daun, bayam, sawi (batas) dan tembikai (batas) yang dijangka boleh dituai dalam masa dua hingga tiga bulan,” katanya.

Menurut kenyataan itu, pada masa ini, tanaman kangkung dijangka dapat dituai dalam tempoh tuaian yang singkat.

“Selain tanaman kontan sedia ada, tanaman yang dirancang adalah timun (fertigasi), sayur buah (bendi, kacang buncis), sayur daun, bayam, sawi (batas) dan tembikai (batas) yang dijangka boleh dituai dalam masa dua hingga tiga bulan,” katanya.

Menurut kenyataan itu, pada masa ini, tanaman kangkung dijangka dapat dituai dalam tem-

poh dua minggu lagi manakala 500 polibeg timun yang ditanam boleh memberikan hasil kira-kira empat hingga enam kilogram bagi satu pokok.

Katanya, tanaman tersebut akan dijual di koperasi-koperasi terpilih di sekitar Kuala Lumpur dengan hasil pendapatannya akan diberikan kepada mereka yang mengusahakan termasuk Persatuan Kebajikan Golongan Asnaf dan Gelandangan Kuala Lumpur dan Selangor (KASGE) yang memberikan latihan dan bimbingan bagi tujuan ini.

Menjelas mengenainya, kenyataan tersebut memaklumkan, ia disebabkan gelandangan menunjukkan minat untuk mengusahakan kebun, projek pertanian atau ladang berskala besar selepas tiga bulan diberi pendedahan dan latihan.

“Pihaknya juga bekerjasama dengan Jabatan Pertanian serta Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian (MARDI) dalam menggalakkan hasil tanaman serta memberi latihan atas perniagaan.

“DBKL juga sedang mewujudkan aktiviti jualan di Pusat Transformasi Anjung Kelana bagi memasarkan hasil gelandangan yang telah memanfaatkan tanah lapang di sekitar pusat transit tersebut dan kawasan sekitar bawah laluan tiang pencawang elektrik berdekatan,” katanya. WK

Hasil jualan akan diserahkan kepada peserta terlibat

Peluang hijrah warrior jana pendapatan

SABRINA SABRE

SERAMAI 64 gelandangan yang menetap sementara di Pusat Transformasi Gelandangan Anjung Kelana, Kuala Lumpur akan terlibat secara langsung dalam projek *hijrah warrior* yang disediakan kerajaan termasuk program kebun bandar.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Seri Mahadi Che Ngah** berkata, projek tersebut merupakan inisiatif Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) yang bertujuan untuk memberi pekerjaan dan membantu gelandangan menjana pendapatan sendiri.

“Di sini (mereka) disediakan tempat penginapan yang lengkap, termasuk bilik untuk setiap seorang dengan kemudahan katil, bilik mandi dan dewan makan.

“Kita juga menyediakan ruang untuk mereka melakukan aktiviti-aktiviti khusus yang boleh memberikan sumber pendapatan



PERTANIAN bandar yang diusahakan di tapak Desa Water Park akan memberi hasil dalam tempoh empat bulan lagi.

seperti kebun bandar,” katanya kepada *Wilayahku* selepas Program Prihatin Ramadan pada Isnin.

Menurut Mahadi, pada masa ini, projek kebun bandar yang diusahakan berjaya menanam beberapa jenis sayuran kontan, namun hasil tuaian dijangka dalam tempoh tiga hingga empat bulan akan datang.

Beliau berkata, pasaran pertanian yang akan dilakukan selepas tuaian hasil boleh memberi pendapatan baharu kepada kumpulan gelandangan di Anjung Kelana selain menjadi pekerjaan tetap mereka.

Dalam pada itu, katanya, usaha tersebut akan dilaksanakan secara

berterusan dan dijadikan satu aktiviti yang berpanjangan sekali gus mengelakkan gelandangan kembali ke kepompong asal serta hidup berpeleseran.

“Dengan itu, mereka boleh menjadi seperti orang biasa yang ada kerja, pendapatan dan sudah tentu hasil yang diperoleh dapat membantu mendapatkan tempat tinggal yang lengkap.

“Janji mereka rajin dan mempunyai ketahanan untuk mengusakan kebun bandar ini,” ujarnya sambil berkata, Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa turut komited membantu menambahbaik inisiatif sedia ada.

Tambahnya, kawasan pertanian yang lebih luas bakal diwujudkan dan akan mengambil kira kumpulan gelandangan sebagai pekerja tetap nanti. **W.K**

Imbas kod QR untuk tonton video berita ini.



REAKSI

GELANDANGAN TERHADAP PROJEK KEBUN HIJRAH WARRIOR

LINI adalah satu inisiatif yang bagus dari pihak DBKL dan YWP kerana menyediakan kebun hijrah Warrior untuk menuntut ilmu dan bekerja dalam bidang pertanian.



“Selain mengisi masa lapang, melalui berkebun, saya berpeluang untuk mempelajari bidang keusahawanan dan pertanian melalui latihan intensif selama tiga bulan. Kami juga diberi tunjuk ajar tentang cara berkebun, teknik membuat batas, mengetahui keadaan sebuah tanaman dan menghasilkan tanaman sendiri seperti timun, jagung, cili, terung.”

MOHD FIZOL ABU BAKAR, 49



LSELAIN daripada menimba ilmu dalam bidang pertanian, pihak pengurusan juga membuka peluang kepada kami

untuk melibatkan diri dalam bidang keusahawanan. Kami memperoleh pendapatan melalui hasil tanaman yang dijual. Saya juga berharap agar kami dapat meningkatkan kemajuan kebun ini melalui latihan yang kami perolehi.”

MAHSANAL MAHFUZ, 52

REAKSI GELANDANGAN TERHADAP PROGRAM PRIHATIN RAMADHAN

LPADA mulanya saya tiba di sini, saya berasa susah hati. Namun selepas sebulan, pihak DBKL banyak memberi kemudahan dan bantuan serta mereka juga sangat menjaga kebijakan kami terutamanya dari segi tempat tinggal, makanan, pakaian dan sebagainya.



MUHAMMAD FAIZAL ABDULLAH, 37



LSAYA rasa berbesar hati dan mengucapkan ribuan terima kasih kepada kerajaan kerana menyulurkan bantuan serta sumbangan berbentuk wang tunai dan makanan kepada kami golongan yang kurang berkemampuan melalui program yang dianjurkan.

RAHMAT SIRUN, 65

LPROGRAM ini sangat bagus kerana pelbagai sumbangan diberikan oleh YWP malah ramai juga Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang turut membantu.”



MUHAMMAD ABDUL JALIL ABDULLAH, 51

YWP hulur bantuan wang tunai, barang asas

YAYASAN Wilayah Persekutuan (YWP) tampil menghulurkan bantuan bernilai hampir RM10,000 kepada gelandangan yang menyertai Program Transformasi Gelandangan di Anjung Kelana, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutifnya, **Datuk Zainalnizam Zainun**, sumbangan yang disalurkan itu merupakan wang tunai dan barang asas harian.

“Ia merupakan barang makanan yang terdiri daripada biskut dan kuih raya. Kita beri awal supaya mereka dapat rasa dan jadikannya makanan harian.

“Kita harapkan sumbangan ini serba sedikit dapat mengembaraikan hati mereka dalam



ZAINALNIZAM (kanan) mengiringi Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa menyampaikan sumbangan kepada gelandangan di Anjung Kelana.

menyambut Ramadan ini,” katanya kepada *Wilayahku* selepas Program Prihatin Ramadan Kementerian Wilayah Persekutuan pada Isnin.

Zainalnizam memberitahu, YWP juga akan memantau dari semasa ke semasa dalam penyaluran bantuan

lain yang bersesuaian dengan pembangunan gelandangan di situ.

Beliau berkata, pihaknya sentiasa dan amat menyokong program yang dilaksanakan kerajaan demi untuk kemaslahatan warga Wilayah Persekutuan termasuk kumpulan

gelandangan.

Ini kerana, katanya, setiap program yang direncanakan itu memberi impak positif dan membantu kumpulan sasar yang memerlukan.

Malah, beliau menjelaskan, gelandangan yang dibantu turut dilatih dengan kemahiran supaya mereka dapat bercampur dengan masyarakat lain ketika berada di luar nanti.

Tambahnya, gelandangan juga diingatkan supaya memanfaatkan peluang yang diberi untuk memperbaiki diri dan keluar dari kepompong gelandangan itu sendiri. **W.K**

Imbas kod QR untuk tonton video berita ini.



MCMC sekat 2,195 laman web, 19,765 talian telefon promosi judi

SURUHANJAYA Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) telah menyekat 2,195 laman sesawang yang didapati mempromosikan judi dalam talian hingga Mac lepas.

Menerusi satu kenyataan hari ini, MCMC memaklumkan tindakan diambil berdasarkan kepada permohonan rasmi yang dikemukakan Polis Diraja Malaysia atas kesalahan di bawah Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953 serta mak-



lumat daripada orang awam.

MCMC turut bekerjasama dengan penyedia platform media sosial yang berpangkalan di luar

negara seperti Facebook, Twitter dan YouTube untuk menurunkan kandungan sedemikian mengikut terma perkhidmatan serta piawaian komuniti yang ditetapkan pihak mereka,” menurut MCMC.

Dari segi penguatkuasaan, MCMC telah menjalankan audit pengesahan data pelanggan telefon prabayar bagi memastikan semua nombor yang aktif disahkan sewajarnya.

Menurut MCMC, bagi tempoh

sejumlah 19,765 talian telefon telah ditamatkan atas kesalahan spam khidmat pesanan ringkas yang mempromosikan judi dalam talian, pinjaman wang tidak berlesen dan sebagainya.

“Tindakan ini penting bagi memastikan nombor-nombor berkenaan tidak disalah guna oleh pihak tidak bertanggungjawab bagi tujuan jenayah lain selain penipuan dan promosi judi dalam talian,” menurut MCMC. - **BERNAMA**

Pusat Data Serantau pertama Microsoft

Wujud 19,000 pekerjaan, 4,000 berkaitan teknologi maklumat

HEBOH sebelum ini syarikat utama berkaitan teknologi maklumat (IT) meninggalkan Malaysia selepas IBM menutup operasi di Cyberjaya dan Intel menutup kilang di Pulau Pinang, tapi pelaburan baru gergasi IT dunia Microsoft di Malaysia tidak pula viral.

Mungkin kerana pada sesetengah ‘kaki viral’ berita baik bukanlah berita yang boleh dijual jadi mereka hanya tumpukan kepada berita yang membangkitkan kemarahan dan kebencian kepada kerajaan.

Sedangkan komitmen jangka panjang Microsoft Corp di bawah inisiatif Bersama Malaysia, pelaburan sebanyak RM4 bilion akan meliputi penubuhan pusat data serantau pertama di negara ini bagi menguruskan data daripada pelbagai negara.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata pelaburan akan mewujudkan



MUHYIDDIN (kanan) bersama Pengarah Urusan Microsoft Malaysia, K. Raman pada Pelancaran Bersama Malaysia di Putrajaya, Isnin lalu.

19,000 pekerjaan termasuk 4,000 yang berkaitan dengan IT,” katanya dalam ucapannya pada Majlis Pelancaran Microsoft Bersama Malaysia di Hotel Zenith, Putrajaya Isnin lalu.

Muhyiddin berkata bagi memanfaatkan data raya,

Malaysia memerlukan tulang belakang bukan sahaja dari segi penyambungan dan penyimpanan data tetapi juga modal insan yang dilengkappkan dengan kemahiran sains data.

Pusat data Microsoft itu juga secara efektif terdiri

daripada pelbagai pusat data, yang akan menguruskan data dari pelbagai negara.

Bagi memanfaatkan data meluas itu, beliau berkata, Malaysia memerlukan dukungan penyambungan dan penyimpanan data, serta modal insan berkemahiran dengan kemahiran sains data.

“Saya mengalui-alukan banyak perkongsian awam-swasta yang dibentuk Microsoft dan rakan-rakannya yang akan kami saksikan menandatangani MoU, Isnin lalu.

“Sebagai permulaan, rakan kongsi berkenaan merangkumi MAMPU, HRDF, PETRONAS, Celcom Axiata dan Grab Malaysia.

“Sebagai sebahagian daripada Inisiatif Bersama Malaysia, saya difahamkan oleh Microsoft bahawa perkongsian ini akan membantu memperkasakan hingga sejuta rakyat Malaysia pada akhir 2023,” katanya. WK

Microsoft yakin pelaburan bawa pulangan besar

PELABURAN Microsoft bagi penubuhan pusat data serantau pertama di Malaysia akan membantu menjana keuntungan sehingga RM19 bilion dalam hasil baharu sepanjang tempoh empat tahun akan datang.

Pengarah Urusan Microsoft Malaysia, K. Raman berkata, ia merupakan inisiatif Microsoft Bersama Malaysia bagi menyokong pertumbuhan ekonomi digital terangkum dan menggiatkan transformasi digital negara dalam ekosistem rakan strategik kerjasama tempatan dan pelanggan yang menggunakan perkhidmatan awam di negara ini.

“Pembinaan infrastruktur penting untuk memajukan ekonomi digital negara dan menjadi pencetus perubahan bagi Malaysia, memboleh-



K. RAMAN

kan kerajaan dan perniagaan untuk menyusun semula dan merombak operasi mereka demi manfaat semua lapisan rakyat,” katanya.

Beliau berkata, Microsoft akan menubuhkan pusat data serantau pertama itu di persekitaran Greater Kuala Lumpur dan menyediakan capaian kepada kemudahan Microsoft Cloud serba lengkap.

Sementara itu, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) menyambut baik pelan Microsoft Corp untuk menubuhkan pusat data serantau pertamanya di Malaysia yang akan mempercepatkan inovasi negara dalam teknologi awan.

Agensi promosi dan pembangunan pelaburan utama kerajaan itu yakin inisiatif Bersama Malaysia Microsoft



INISIATIF Microsoft Bersama Malaysia akan menjadi pemacu kepada agenda digital pertama negara

akan menjadi pemacu kepada agenda digital pertama negara sejarah dengan aspirasi MyDIGITAL negara, selain meningkatkan keyakinan pelabur tempatan dan asing di Malaysia.

Ketua Pegawai Eksekutif MIDA Arham Abdul Rahman

berkata pelaburan Microsoft dengan pusat data serantau pertamanya di negara ini menjadi bukti kukuh terhadap dasar pelaburan Malaysia yang pro-perniagaan, pro-perdagangan dan mesra perniagaan. WK



SIDANG REDAKSI

PENGURUS BESAR

Azlan Abdul Aziz
azlanaziz@ayasanwp.org.my

PENGARANG KANAN

Helme Hanafi
helme.hanafi@gmail.com

PENOLONG PENGARANG

Nazwin Izan Ahmad Nazri
winwilayahku@gmail.com

WARTAWAN KANAN

Azlan Zamby
azlanwilayahku@gmail.com
Aini Rosidah Ahmad Mawawi
ainiwilayahku@gmail.com

WARTAWAN

Khairul Idin
khairulwilayahku@gmail.com
Wong Siew Mun
wongsiew.mun@gmail.com
Deel Anjer
deelanjer6@gmail.com

Syahidi Bakar

dwilayahku@gmail.com

GRAFIK & MULTIMEDIA

Rostam Afendi Ab Rashid
lemandecaprio@gmail.com
Mohd Affandy Annuar
affandywilayahku@gmail.com
Mohd Fadly Bharudin
fadlybharudin@gmail.com
Taufik Mohd Pauze
kikkywilayahku@gmail.com

JURUFOTO & VIDEO

Mohd Nazirul Mohd Roselan
nazirulwilayahku@gmail.com
Mohd Aminullah Farij Hasan
aminwktv@gmail.com
Azly Fariq Ramly
azlyfariq@ayasanwp.org.my

PEMASARAN

Mohd Zuhairi Mazlan
zuhairi@ayasanwp.org.my
V Kumar Veeran
veeran101@gmail.com

KEWANGAN, SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN

Nur Fatihah Mohd Amir
fatihah@ayasanwp.org.my
Jumaitul Laily Zakiah Ismail
jumaitul@ayasanwp.org.my
Nurul Hazwani Haslan
nhmm88@gmail.com

PELATIH INDUSTRI

Nur Sabrina Akmal Mohammad Sabre
Nur Hazirah Mohamed Halim
Diana Syuhada Mohd Amir
Muhammad Adib Zailani



Bazar Ramadan tutup jika ingkar SOP

MAHU bazar Ramadan dan bazar Aidilfitri ditutup atau patuh kepada prosedur operasi standard (SOP)? Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa, memberi amaran tegas kedua-dua bazar tersebut akan ditutup serta merta jika lokasi terlibat didapati menjadi medan penularan pandemik COVID-19.

Amaran diberi berikut sikap pengunjung bazar yang didapati tidak memperdulikan pematuhan kepada SOP dengan berpusu-pusu dan bersesak di bazar. Walaupun umumnya pemakaian pelitup muka dipatuhi, penjarakan fizikal diketepikan.

Jelas apabila sudah berkumpul ramai, pengunjung bazar tidak lagi peduli kepada SOP. Mereka bebas bergerak bergesel bahu dan badan seolah-olah kawasan bazar bebas COVID-19 sedangkan pandemik tersebut masih ganas mengancam negara. Angka jangkitan harian juga masih tinggi.

Seperti ditegaskan oleh Annuar, beliau mahu bazar Ramadan dan Aidilfitri terus beroperasi sehingga menjelang hari raya. Tetapi jika kelonggaran yang diberi disalah guna sehingga mendatangkan risiko kepada pengunjung, penutupan bazar adalah tindakan terakhir perlu dilakukan demi keselamatan orang ramai.

Dalam hubungan inilah perlunya disiplin tinggi di kalangan pengunjung. Peraturan yang dibuat adalah untuk kebaikan semua. Adalah penting untuk kemastikan bazar Ramadan atau bazar Aidilfitri tidak mewujudkan ‘kluster bazar Ramadan dan Aidilfitri’.

Jika ingin kedua-dua bazar tersebut di Wilayah Persekutuan terus berperasi, patuhlah kepada SOP dan ikutlah peraturan yang dibuat. Jika tetap degil maka janganlah marah atau kecwea jika kerajaan bertindak menutup bazar-bazar tersebut.

Tahun lalu tiada bazar Ramadan dan Aidilfitri. Tahun ini kerajaan memberi kelonggaran. Oleh itu hargailah. Jika tidak biar sahaja kembali seperti tahun lalu, tanpa bazar menyambut puasa dan hari raya.

Jangan hanya pandai mengkritik

MARAH dan geram nampaknya Pengerusi Perhubungan UMNO Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim, apabila meminta bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, agar tidak hanya mengkritik kerajaan Perikatan Nasional (PN), tetapi perlu turut membantu negara mendapatkan pelabur luar.

Menurut Ahli Parlimen Arau itu, Najib mesti memberi pandangan positif kepada kerajaan dan bersama-sama menarik pelabur dalam usaha meningkatkan ekonomi negara. Ertinya janganlah hanya pandai mengkritik tetapi berilah juga pandangan membina.

Pastinya gesa ini timbul kerana Shahidan, dan mungkin ramai yang lain, sudah letih dengan sikap bekas perdana menteri itu yang selama ini menjadi pengkritik lantang PN, sehinggakan apa juga yang kerajaan lakukan bagai tidak kena dan tidak betul di matanya. Ini termasuk dakwaan terbaru kerajaan gagal mengurus ekonomi dan COVID-19.

Seolah-olahnya tiada apa yang baik dilakukan oleh kerajaan untuk negara dan rakyat sehingga semuanya perlu dikritik. Walhal pelbagai usaha dilakukan membantu rakyat, khususnya dalam suasana pandemik COVID-19 yang menjelaskan ekonomi negara dan kehidupan rakyat.

Perbuatan ini pasti mendatangkan kerugian kepada mereka mengenai kestabilan negara dan kedudukan ekonomi. Apabila kerugian wujud negara luar akan sangat berhati-hati dan berfikir banyak kali untuk melabur di negara ini.

Jika ini berlaku, negara dan rakyat yang akan rugi, termasuk mereka yang galak mengkritik. Rakyat perlu pembelaan sewajarnya. Namun matlamat ini akan hanya dapat dicapai dengan kestabilan politik dan ekonomi negara dipulihkan.

WILAYAH PERSEKUTUAN
WILAYAH
PRIHOTIN



Program **MYBeras@Wilayah** diteruskan sepanjang bulan Ramadan ini dengan edaran **1 kampit beras 5kg** kepada golongan miskin di Wilayah Persekutuan

“Sebaik-baik sedekah adalah sedekah pada bulan Ramadan”

HR Riwayat at-Tirmidzi

Layari:

<https://www.yayasanwp.org/myberas>

atau hubungi:

03-2698 3073 / 2073



SCAN ME

Bekerja untuk kekal miskin



DATUK BUDIMAN
MOHD ZOHDI

BERDASARKAN statistik, dalam tempoh sembilan tahun dari sekarang, 26 juta atau kira-kira 80 peratus penduduk Malaysia adalah 'orang bandar'.

Ini bererti kawasan-kawasan perbandaran sedia ada akan terus menerima penghuni-penghuni baharu, manakala kawasan-kawasan perbandaran baharu akan terus tumbuh dengan menawarkan peluang-peluang baharu yang akan menjadi pendorong besar kepada kerancakan pertumbuhannya.

Kenyataan itu boleh dianggap sebagai loceng amaran kepada semua pihak khususnya kalangan pentadbir bandar tentang betapa besarnya tanggungjawab yang menanti mereka. Ia bukan sesuatu yang kaleng-kaleng.

Dalam keadaan begini, soalan yang paling perlu ditanya adalah sejauh mana kesiapsiagaan kita untuk mendepani realiti itu?

Apakah kita telah benar-benar bersedia dengan pelan tindakan yang sepatutnya atau sebaliknya akan meneruskan tradisi berasaskan *ad hoc*, yang bermaksud bertindak mengikut keperluan tanpa apa-apa jangkaan terhadap keberangkalian-keberangkalian yang mungkin berlaku.

Dari sudut sosio-ekonomi, pertambahan saiz penduduk bandar adalah berita baik yang menggusarkan.

Baik kerana ia akan merancakkan pembangunan tetapi mengusarkan kerana ia berpotensi melebarkan jurang kehidupan.

Rekod dan sejarah membuktikan kedua-dua ini sering berlaku secara seiring. Sebab itulah perancangan awal untuk menanganinya perlu dibuat.

Jika tidak, masa yang lama akan diperlukan untuk membetulkan keadaan, yang lazimnya pula akan kekal tidak betul sehingga bila-bila; ibarat menjahit kain yang reput, jahit di sini, koyak di sana.

Pertambahan penduduk bermakna pertambahan keperluan. Secara umum fokus kita terarah pada soal penempatan, kesesakan trafik, pengurusan siswa buangan, bekalan air bersih yang mencukupi, bekalan elektrik, akses kepada pendidikan, pengangkutan awam dan telekomunikasi



POLITIK perniagaan menyebabkan golongan pekerja ditindas dan tertindas secara halus.

sehinggalah kepada soal saliran dan perparitan.

Tidak dinafikan bahawa kita mempunyai cukup upaya untuk menyediakan semua prasarana itu.

Jika berlaku kelemahan, ia bukan disebabkan kita tidak mampu, tetapi lebih disebabkan oleh sikap yang diambil dalam proses pelaksanaannya.

Dengan bahasa mudahnya, banyak masalah yang kita hadapi sekarang sebenarnya bukanlah masalah jika kita serius menanganinya.

Keperluan terhadap prasarana adalah hak yang tidak boleh dikompromi. Ia memang penting. Tetapi ada yang jauh lebih penting daripada itu.

Sesuatu yang manusia lebih perlukan daripada semua bentuk prasarana. Ia adalah peluang membina kehidupan.

Sehebat mana sekalipun penempatan yang disediakan, secanggih mana sistem pengurusan siswa buangan, sebersih mana air yang dibekalkan, secekap mana sistem pengangkutan yang disediakan, ia tidak akan memberi makna jika peluang membina kehidupan tidak jelas dan kabur.

Membina kehidupan bukan setakat mempunyai peluang pekerjaan, tetapi juga tentang pekerjaan yang bagaimana, termasuk tentang persekitarannya dan tentang pulangannya.

Di mana-mana juga kota besar, inilah cabaran yang paling keras. Dari satu sisi kebanjiran penghijrah bandar akan menyebabkan peluang pekerjaan terbatas. Itu kesan yang sering kita nampak.

Tetapi ada kesan lain yang

tidak ketara, atau ketara tetapi jarang kita pedulikan, iaitu ia menyebabkan wujud persaingan yang pada akhirnya memberikan keuntungan kepada sepihak; majikan.

Inilah yang berlaku sejak dahulu dan masih berlaku sehingga sekarang terutama dalam bidang pekerjaan kolar biru.

20 tahun dahulu gaji seorang pemandu lori RM50 sehari, sekarang pun masih ramai yang 'menikmati' gaji yang sama atau lebih rendah.

Sebabnya mudah, 'jika kamu tidak mahu bekerja, ramai lagi orang lain yang mahukan pekerjaan ini.'

Saya mengenali seorang pembantu kedai yang menerima gaji bulanan RM700 pada sekitar 2004 dan sekarang gajinya RM1100 sebulan; kenaikan RM400 dalam tempoh 16 tahun atau kira-kira RM25 setahun.

Bandingkan kenaikan itu dengan kenaikan kos sara hidup dalam tempoh yang sama.

Malah jika dikira menggunakan kalkulator inflasi Malaysia (MIC), dia sebenarnya tidak menerima apa-apa kenaikan gaji, malah mengalami penurunan kerana RM700 pada tahun 2004 nilainya hampir sama besar dengan RM1,100 pada tahun 2020.

Apabila ditanya kenapa tidak bertukar pekerjaan, jawapan yang diberi cukup klise; tempat kerja sekarang dekat dengan rumah, tidak perlu tambang bas, mudah pinjam duit daripada majikan, di tempat baharu belum tahu bagaimana keadaannya dan seterusnya.

Perkara lain yang sering

“Kemiskinan bukan sahaja disebabkan ketiadaan peluang, tetapi juga sering berpunca daripada peluang-peluang yang dikhianati oleh pihak yang menawarkannya.

berlaku tetapi jarang dipedulikan adalah 'politik perniagaan' yang menyebabkan golongan pekerja ditindas dan tertindas secara halus. Ini juga banyak berlaku di sektor kolar biru.

Selepas suatu tempoh, misalnya empat lima tahun, atau lebih pendek lagi, ada majikan akan mula mencari helah untuk membuang pekerja yang mula memasuki lingkungan 'senior' dan mengambil pekerja baharu.

Sebabnya mudah diagak; mengekalkan pekerja lama bererti perlu membayar lebih, manakala mengambil pekerja baharu bermakna boleh membayar kurang.

Dalam dunia pekerjaan am, yang surat tawaran kerja, persetujuan penerimaan tawaran, rekod bertulis dan sebagainya jarang dianggap penting, perkara seperti ini berlaku dengan leluasa.

Dan sedar atau tidak, semua ini merupakan antara penyumbang kepada masalah kemiskinan bandar.

Apabila seseorang yang telah bertahun-tahun bekerja dan sepatutnya menikmati kehidupan lebih baik, terpaksa berpatah balik untuk mendapat pekerjaan baharu dengan gaji seperti 'budak baharu', kesannya terhadap pendapatan isi rumah tentulah boleh dijangka.

Persiapan untuk mendepani isu-isu seperti inilah saya kira perlu diberi keutamaan oleh pihak berkuasa dalam menghadapi arus pertambahan penduduk bandar.

Kemiskinan bukan sahaja disebabkan ketiadaan peluang, tetapi juga sering berpunca daripada peluang-peluang yang dikhianati oleh pihak yang menawarkannya.

Jabatan dan agensi-agensi berkenaan harus melihat isu ini secara serius. Harus rajin turun padang.

Harus mengerakkan usaha mendekati kelompok sasaran. Jangan mengharapkan rakyat naik

ke atas untuk mengadu selagi mereka tidak difahamkan apa yang boleh dan patut diadu.

Terlalu ramai pekerja yang tidak menyedari akan hak-hak mereka lalu menjadi mangsa manipulasi secara berterusan. Mereka memerah keringat untuk kekal miskin.

Jika di kampung mereka mungkin boleh mengadu nasib pada tanah warisan walaupun sekangkang, tetapi di kota seperti Kuala Lumpur, kepada siapa hendak dihalau? Tersalah langkah, mungkin 'ah long' yang untung.

Memberi kesedaran dan melindungi kepentingan golongan ini sama pentingnya, kalaupun tidak lebih penting, daripada menyediakan kediaman sempit untuk mereka.

Dengan pekerjaan yang betul dan pendapatan yang betul, mereka bukan sahaja boleh mengubah kehidupan keluarga, tetapi juga boleh membina kota raya yang benar-benar sejahtera.

Nama kolumn 3M adalah singkatan kepada Melawan Maksud Miskin yang akan memfokuskan isu berkaitan kemiskinan



KOTA INI WILAYAH KAMI

Di kota pertarungan rohani dan jasmani tugu itu kami bina dengan pemikiran ini bukan titik kehidupan akan diteroka tanah subur makmur dengan tumpahnya keringat pedas sese kali airmata menjadi sungai dan rindu menjadi angin dan nasib menjadi hujan.

Kota ini bagi payung perjalanan rona rona dalam hamparan kehidupan bagi memegang mentari dan menyuluh dengan cahaya rembulan pada sesaknya cabaran pada tajamnya persoalan pada kalutnya persaingan.

Inilah kota serba tahu yang kami tiduri bersama kelambu usia tidak pernah nyenyak kota yang kuat dilukis oleh senja ditulis oleh pelangi kota ini tumbuh dalam hati kami kota ini mekar dalam akal kami kota ini rendang, berbuah dan harum di sepanjang musim cinta sewaktu kami menulis segala kenangan segala pengalaman di potretnya yang mesra di senyumnya yang paling bermakna!

Solihin Osman
8 Ramadan 1442

t.me/wilayahku



IMBAS KOD QR

SERTAI SALURAN TELEGRAM

Wilayah Ku

UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!



Waspada ancaman pokok tumbang

SEDIH pilu menyayat hati Adi membaca kisah seorang remaja penghantar makanan bermotosikal, Syed Izzat Izzuddin, 20, yang terbunuh apabila ditimpa pokok tumbang ketika hujan ribut di Taman Leng Seng, Alam Damai, Cheras pada Khamis 15 April lalu.

Allahyarham ditakdirkan Allah berada di tempat dan pada waktu pokok itu tumbang, juga dengan kehendak Allah. Pokok menghempap arwah yang ketika itu melalui jalan tersebut, dipercayai untuk menghantar pesanan makanan kepada pelanggan.

Lebih menyedihkan, ibunya, Inang Suhana Abu Bakar, memberitahu, arwah anaknya berkerja sebagai penghantar makanan untuk membantu keluarga kerana ayahnya tidak boleh bekerja selama dua bulan setelah menjalani pembedahan. Arwah mengambil alih tugas mencari rezeki untuk menyara keluarga.

Ibunya yang tidak dapat menahan kesedihan dengan takdir yang menimpa anaknya menyifatkan arwah sebagai seorang anak yang baik dan sentiasa ringan tulang membantu keluarga.

Adi bersympati dengan keluarga arwah yang kehilangan orang yang tersayang ketika mencari rezeki.

Semoga Allah mencucuri rahmat ke atas roh Syed Izzat dan diampuni segala dosanya yang menemui Allah ketika berbakti untuk keluarga.

Pemergian arwah adalah ketentuan Allah. Namun pengajaran yang penting daripada kejadian tersebut ialah perlunya pihak berkuasa, dan dalam hal ini Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), sentiasa mengawasi dan memantau pokok-pokok yang ditanam di seluruh kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Benar, pokok penting untuk mewujudkan persekitaran hijau di samping menyeimbangkan pertumbuhan hutan batu di Kuala Lumpur.

Tetapi sangat penting dipastikan pokok-pokok ini tidak mendatangkan mudarat kepada orang ramai atau pengguna jalan. Pokok yang sudah tua dan didapati berbahaya elok sahaja ditebang dan diganti dengan pokok baharu.

Kadangkala jika pokok tidak tumbang, dahan pokok yang besar pula patah dan jatuh.

Walaupun dahan, ia sudah cukup membahayakan orang ramai. Risiko ini bertambah pada musim hujan ribut, seperti yang melanda ibu negara sekarang.

Perlu diingat pada petang hari kejadian Syed Izzat

“ Adi ingin menambah. Salah satu lagi faktor yang menyebabkan pokok tidak kukuh ialah banyak daripada pokok yang ditanam di ibu negara adalah pokok segera atau ‘instant trees’.

meninggal dihempap pokok, ada sekurang-kurangnya enam kejadian pokok tumbang di beberapa lokasi lain di ibu negara.

Lokasi tersebut ialah di Seksyen 2 Wangsa Maju; Jalan Pantai Murni, Pantai Dalam; Kampung Padang Merbuk; Jalan Melati, Lebuh Raya Lingkaran Tengah 2 (MRR2) Hulu Kelang; kawasan berhampiran Wisma Tani, Jalan Bukit Tunku dan Jalan Tijani, Bukit Tunku.

Meskipun dalam peristiwa ini tidak ada kemalangan jiwa, tentulah ia mendatangkan kerosakan dan kesusahan kepada orang ramai.

Lalu lintas terhalang menyebabkan berlaku kesesakan jalan raya di ibu negara yang memang sudah sentiasa sesak dengan lalu lintas.

Ia juga menggambarkan kejadian pokok tumbang banyak berlaku. Pokok tumbang yang meragut nyawa Syed Izzat juga bukan kejadian pertama.

Sebelum ini kejadian meragut nyawa atau menyebabkan kecederaan parah sudah pernah terjadi.

Kerana itulah Adi menekankan betapa pentingnya aspek pemantauan sentiasa dijalankan oleh DBKL untuk memastikan pokok yang ditanam di ibu negara tidak mengancam keselamatan orang ramai.

Sementara takdir tidak dapat dielakkan, bagi Adi usaha dan ikhtiar mesti dilakukan bersungguh-sungguh.

Adi pasti selama ini pun DBKL memang melaksanakan



SEORANG penghantar makanan terbunuh apabila ditimpa pokok tumbang ketika hujan ribut di Alam Damai, Cheras pada Khamis 15 April lalu.

kerja-kerja pemantauan ini.

Seperti yang ditegaskan oleh Pengarah Eksekutif (Pengurusan Projek DBKL), Datuk Azmi Abdul Hamid, DBKL sentiasa melaksanakan kerja penyelenggaraan dan pemeriksaan berkala, termasuk mencantas pokok berisiko. Beliau juga menyedari mengenai isu pokok tua atau pokok matang.

Beliau turut mengenal pasti antara punca pokok tumbang disebabkan ruang akar kecil dan tidak mampu menampung berat pokok apabila angin kencang dan hujan ribut.

Ini berlaku kerana kebanyakan akar yang menyokong pokok sudah dipotong untuk memberi laluan kepada pembinaan jalan raya, siar kaki serta longkang.

Adi ingin menambah. Salah satu lagi faktor yang menyebabkan pokok tidak kukuh ialah banyak daripada pokok yang ditanam di ibu negara adalah pokok segera atau ‘instant trees’.

Pokok ini digali daripada tempat lain apabila sudah besar

kecederaan kekal akibat kemalangan.

Pampasan hanya sekadar meringankan kesedihan dan kesusahan ditanggung oleh mangsa atau waris.

Kita menyayangi dan mengakui pentingnya pokok dalam mencantik atau memayungi persekitaran.

Namun kita juga mesti sentiasa ingat bahawa pokok juga boleh manjadi pembunuhan. Berwaspadalah!

- Adi Tuah

Adi Tuah



BUNGA-BUNGA RAMADAN

Kelopak bunga ramadan telah berkembang menguntumkan amalan pemurnian keimanan dada sanubari insan.

Ibadah di malam hari dilunakkan dengan takwa pujian-pujian dan kesyukuran bersama keredhaan Tuhan.

Bunga-bunga ramadan berkembang sepanjang bulan bersama keikhlasan memupuk ukhuwah ummah dan menghimpun doa ke langit di hamparan sejada.

Ismail Hashim

Warisan Puteri,
N. SEMBILAN
08.04.2021

SINAR RAMADAN

Anugerah-Nya tanda kasih mengalir andai peluang hadir kali terakhir usah dibiar melerai berbekas kesalan menambah amalan seikhlas kejujuran hanya kerana-Nya terbaik kepatuhan

Ramadan menerangi belantara jiwa kelabu meluruh daun dosa lebat berpaut berbunga harum mencerna minda mengubat emosi redam semalam merawat hati sedia bermuhasabah

Ramadan menggembur hayat di batas iman menanam benih di lubang waktu pohon subur merimbun ganjaran sebaran wangian di pintu Ar Rayan sebesar zarah berbuah meranum dikecapi manis di halaman Jannah

Noor Izam Bin Hj. Samin
PERPUSTAKAAN
UiTM, KAMPUS JASIN

SKETSA



YWP sedia hulur bantuan kepada komuniti terlibat

Demi kesejahteraan Wilayah Persekutuan

AINI MAWAWI

YAYASAN Wilayah Persekutuan (YWP) sentiasa bersedia menghulur bantuan kepada pihak yang memerlukan selaras matlamat utama organisasi tersebut untuk membantu rakyat di Wilayah Persekutuan.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutifnya, **Datuk Zaizalnizam Zainun**, YWP terbuka menerima kunjungan daripada mana-mana pihak yang berhasrat mengemukakan permohonan bantuan dari segi pendidikan, hubungan sosial dan sebagainya.

"Kita sentiasa menerima kunjungan mana-mana pihak kerana apabila kunjungan dilaksanakan oleh pihak tertentu, pasti ada perkara mustahak yang hendak



YAYASAN
WILAYAH PERSEKUTUAN

diutarakan kepada kita.

"Jika yang datang itu persatuan maka sudah semestinya ada orang yang ingin mereka bantu. Bagi persatuan misalnya, mereka mewakili komuniti Wilayah Persekutuan yang mana menjadi tanggungjawab YWP pula untuk melihat bentuk permohonan supaya bantuan dapat dihulurkan," ujar beliau.

Tambah beliau lagi, YWP juga turut menggalakkan pihak persatuan berhubung dengan Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) setempat. "Selain melihat bentuk bantuan yang boleh dihulurkan YWP, saya juga turut menyatakan cadangan dan saranan supaya mereka

berhubung dengan MPP," ujar beliau selepas menerima kunjungan hormat daripada Pengurus Persatuan Penduduk 1 Razak Mansion, Norazizul Abdul Aziz.



ZAIZALNIZAM (kanan) menerima kunjungan hormat Norazizul di pejabatnya baru-baru ini.

Kerjasama Yakult - Wilayahku gembirakan 200 kakitangan KWP

DIANA AMIR

KIRA-KIRA 200 kakitangan Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) menerima Yakult minuman probiotik yang disampaikan Pengarah Urusan Yakult Malaysia, Hiroshi Hamada sempena Kempen Kongsi Kebaikan pada Selasa.

Menurut Hiroshi Hamada, kempen tersebut telah dilaksanakan selama tiga tahun namun tahun ini sedikit istimewa di mana produk diberikan kepada barisan media dan golongan yang memerlukan.

"Ramai yang terlupa bahawa media juga merupakan barisan hadapan (frontliner) di Malaysia."

"Pada Ramadan kali ini kita akan edarkan minuman Yakult kepada warga media dan ia juga akan diberikan kepada mereka yang memerlukan seperti di rumah anak yatim dan rumah orang tua. Selain itu, ia diedarkan kepada pihak hospital," katanya kepada Wilayahku.

Ujarnya, Yakult akan mengedarkan produk mereka ke 30 lokasi dan enam syarikat media yang telah dipilih sepanjang bulan Ramadan ini dan sebanyak 15,000 botol telah diperuntukkan di mana setiap lokasi akan menerima 1,000 botol.

Tambahnya lagi Yakult

mengeluarkan pembungkusan baru khusus untuk bulan Ramadan.

"Setiap tahun kita akan tukar pembungkusan khas pada bulan Ramadan sahaja dan pada bulan berikutnya kita akan menggunakan pembungkusan asal," ujar Hiroshi.

Sementara itu, **Nor Azalia Atan**, 37, yang menerima sumbangan berkata, ia pengalaman berbeza kerana bulan Ramadan sangat sinonim dengan pemberian bubur lambuk.

"Saya rasa unik kerana selalunya dapat bubur lambuk secara percuma namun kali ini berbeza sedikit di mana saya dapat minuman Yakult dan boleh bawa balik ke rumah untuk diberi kepada anak-anak."

"Antara kebaikan minuman ini yang saya tahu adalah mempunyai probiotik baik untuk perut dan kebiasaannya anak-anak minum yang warna merah tapi yang saya dapat ini warna biru mungkin ada perbezaan dari segi rasanya," katanya selepas menerima minuman Yakult secara percuma.

Manakala **Sulyaniza**, 36, berkata, dia sangat teruja apabila mengetahui mengenai Kempen Kebaikan yang dianjurkan Yakult Malaysia akan menjadikan KWP sebagai salah satu destinasi.



Hiroshi (dua dari kanan) menyampaikan Yakult minuman probiotik kepada kakitangan KWP sempena Kempen Kongsi Kebaikan baru baru ini. Hadir sama Pengurus Besar YWP Media, Azlan Abd Aziz (kiri).



NOR AZALIA



SULYANIZA



FAIZAL

Faizal, 41, turut merasa gembira apabila mendengar mengenai kempen tersebut dan berkata, Yakult adalah minuman kegemaran anak-anaknya.

"Perasaan saya pada saat ini sangat gembira kerana ini minuman kegemaran anak-anak saya, jadi dapat bawa balik dan berikan kepada mereka."

"Minuman seperti ini kebiasaan menjadi kegemaran

kanak-kanak dan apa yang saya tahu minuman ini mempunyai kultur yang baik," tambahnya mengenai kebaikan Yakult.

Yakult memperuntukkan sejumlah RM15,000 pada Kempen Kongsi Kebaikan kali ini dan antara kawasan yang kita akan edarkan adalah di Kuala Lumpur, Selangor, Sarawak, Negeri Sembilan, Sabah, Johor, Melaka, Kedah, Penang dan Perak.

Manakala enam syarikat media pula adalah The Star, Kumpulan Media Karangkraf, Harian Metro, Berita Harian, Wilayahku dan RTM. WK

REALITI KEHIDUPAN

RiauKota

23 - 29 APRIL 2021 . BIL 112

Wilayah Ku

**CAKNA
USAHAWAN**
DI WILAYAH PRIHATIN

Transformasi Bazar Ramadan

Wajah baharu Pasar Datuk Keramat



AZLAN ZAMBRY

KOMPLEKS Pasar Datuk Keramat yang mula dibina pada tahun 1976 dan dirasmikan pada tahun berikutnya oleh Perdana Menteri ketiga, Tun Hussein Onn merupakan tempat penduduk mendapatkan barang keperluan selain ia menjadi 'oasis' kepada kawasan tersebut.

Kebakaran yang berlaku pada 17 Mac lalu hampir memusnahkan keseluruhan deretan kedai di situ sekaligus hampir merampas impian peniaga yang membuat persediaan untuk berminggu di bulan Ramadan.

Sejurus kejadian, Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa bergegas membuat lawatan bagi meninjau keadaan di situ dan berjanji untuk menyelesaikan masalah tersebut bagi memberikan kemudahan kepada peniaga yang sememangnya sudah berminggu di situ sejak puluhan tahun lalu.

BERSAMBUNG DI MUKA 10



KEBAKARAN pada 17/Mac 2021 memusnahkan keseluruhan Pasar Datuk Keramat. Tindakan segera dilakukan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dan DBKL bagi membantu mangsa yang terlibat.

DARI MUKA 9

Melalui satu dialog yang diadakan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bersetuju untuk membersihkan tapak tersebut dan membina sebuah khemah besar sebagai tempat sementara bagi memberikan satu harapan baharu untuk semua peniaga.

Khemah besar atau *marque tent* yang didirikan di atas tapak pasar itu merupakan satu program Transformasi Bazar Ramadan yang dilakukan merupakan satu usaha untuk memberikan wajah baharu untuk penjaja yang terlibat dengan kebakaran tersebut.

Ia merupakan salah satu inisiatif yang diperkenalkan dengan menekankan faktor keselamatan dan keselesaan kepada peniaga dan

pengunjung.

Pengarah Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Perniagaan, **Khairul Anuar Mhd Juri** berkata, keputusan DBKL adalah selaras dengan saranan Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) yang mahukan penjaja-penjaja di kawasan itu di bantu dan diper mudahkan keperluan mereka.

"Melalui penerapan konsep Wilayah Cakna, DBKL mengambil inisiatif untuk memulakan kerja-kerja pembersihan tapak dan memasang khemah besar dalam tempoh 10 hari sahaja.

"Ia dilaksanakan dengan segera dengan mengambil kira tempoh waktu yang semakin hampir dengan 1 Ramadhan dan ia bagi memberikan keselesaan kepada peniaga dan pengunjung setelah mereka terpaksa menanggung kerugian akibat

daripada musibah yang berlaku," katanya kepada Wilayahku pada Selasa.

Katanya, pihak DBKL memperkenalkan konsep tersebut kerana ia hanya tapak sementara dan peniaga hanya dibenarkan menjalankan aktiviti perniagaan pada bulan Ramadan sahaja.

"Konsep baharu ini hanyalah sementara dan DBKL membenarkan penjaja bermiaga sepanjang bulan Ramadan sehingga tamat."

"Tapak itu bukanlah dimiliki oleh DBKL, sebaliknya milik pemaju dan mereka telah pun bersetuju untuk membangunkan semula gerai separa kekal setelah tamat bulan Ramadan ini melalui satu rundingan," katanya.

Beliau berkata, bagi mematuhi ketetapan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Jawatankuasa

Perkhidmatan Keselamatan Negeri Wilayah Persekutuan (JKKKNWP) yang di pengrusikan oleh Menteri Wilayah Persekutuan, pihaknya telah menghadkan hanya 50 gerai sahaja yang dibenarkan beroperasi sepanjang tempoh Bazar Ramadan berlangsung.

"la selepas mengambil kira Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh kedua-kedua badan tersebut bagi mengelakkan penularan wabak COVID-19.

"Selain itu, kita juga akan mengawasi perjalanan bazar Ramadan bagi mengelakkan kesesakan terutama di beberapa gerai yang menjadi tumpuan pengunjung.

"Kita juga akan memastikan laluan keluar dan masuk dikawal

sepenuhnya dan mesin pengimbas suhu, kod QR Aplikasi MySejahtera dan cecair sanitasi disediakan untuk kemudahan pengunjung, katanya.

Ujar Khairul Anuar lagi, bagi meringankan lagi bebanan yang perlu ditanggung, DBKL bersetuju untuk mengenepikan fi lesen sepanjang mereka bermiaga.

"Langkah itu diambil sesuai dengan konsep kecaknaan yang menjadi aspirasi warga kerja DBKL dan kebetulan, mereka memang perlu dibantu setelah banyak kerugian yang dialami," ujarnya.

Dalam pada itu, Khairul Anuar mengharapkan agar semua pihak terutama penjaja dan pengunjung dapat mematuhi SOP yang telah ditetapkan sebaik mungkin agar tidak wujud kluster Bazar Ramadan COVID-19. **WK**



MENTERI Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr. Annur, Musa turun padang meninjau keadaan terkini Bazar, Ramadan Pasar, Datuk Keramat yang menggunakan khemah sementara.

Program khas galakkan belanja tanpa tunai

PANDEMIK COVID-19 telah mewujudkan banyak perkara dan amalan baharu dalam kehidupan sehari-hari sekaligus mengubah tabiat dan kebiasaan lama yang telah diperaktik sebelum ini.

Ini termasuklah berbelanja melalui *marketplace* mahupun mendapatkan perkhidmatan melalui syarikat yang wujud di bawah ekonomi gig yang mudah dimuat turun melalui telefon pintar masing-masing.

Perkembangan dunia teknologi yang telah berkembang pesat di negara kita telah merubah amalan sehari-hari sehingga mencipta tabiat baharu dengan hanya berbelanja melalui telefon pintar masing-masing ataupun membuat transaksi tanpa tunai selari dengan amalan komuniti dunia masa kini.

Menyedari hakikat itu, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengambil peluang terhadap perubahan tersebut untuk memperkenalkan program urusniaga tanpa tunai atau dikenali sebagai *cashless* di bazar Ramadan terpilih sekitar ibu kota.

Pengarah Pelesehan dan Pembangunan Perniagaan DBKL, **Khairul Anuar Mhd Juri** berkata sebagai permulaan, pihaknya telah mengenal pasti tiga bazar Ramadan untuk melihat keberkesanannya program tersebut di ibu kota.

“Sebagai permulaan, sebanyak tiga bazar di bawah pengurusan DBKL terlibat dalam program ini iaitu Bazar Aidilfitri Kuala Lumpur@ Lorong Tuanku Abdul Rahman (TAR), Bazar Ramadan di hadapan Wisma Suhati, Segambut dan Tempat Letak Kereta Taman Tasek Permaisuri, Bandar Tun Razak.

“Kesemua kawasan ini dipilih kerana ia merupakan kawasan tumpuan penduduk setempat dan ia melibatkan kira-kira 765 penjaja,” katanya kepada *Wilayahku* pada Rabu.

Beliau berkata, melalui program tersebut, pihak DBKL telah menjalinkan kerjasama sama dengan tiga pengendali terminal *cashless*

“DBKL telah menandatangani memorandum persefahaman (MoU) pada 5 April 2021 lalu. Tiga pengendali itu ialah Maybank Banking Berhad (Maybank), TnG Digital Sdn Bhd (Touch n Go) dan ShopeePay.”

“MoU tersebut ditandatangani bersama Ketua Perkhidmatan Kad Maybank Malaysia, B Ravintharan, Ketua Pegawai Eksekutif TNG Digital Sdn Bhd, Ignatius Ong dan Ketua ShopeePay, Alain Yee,” katanya.

Kata Khairul Anuar, melalui program rintis tersebut, pihaknya mendapat sambutan daripada penjaja dan pengunjung yang menyertai Program *Cashless* adalah menggalakkan.

“Selain itu, pihak-pihak yang terlibat iaitu penjaja dan pengendali memainkan peranan yang aktif dalam menjadikan program ini mendapat sambutan,” katanya.

Tambahnya, setakat ini pihaknya belum menerima maklum balas mengenai jumlah urusniaga sepanjang program berlangsung dan pihaknya percaya bahawa urusniaga dijangka akan meningkat apabila kemuncak *mood* raya tiba selain



KHAIRUL ANUAR

pekerja awam dan swasta mendapat gaji.

Khairul Anuar berkata, melihat kepada keberkesanannya program tersebut, DBKL akan memperluaskan lagi Program *Cashless* ini ke pasar dan pusat penjaja DBKL yang lain bermula dengan Pasar Harian Selayang dan Pasar Taman Tun Dr. Ismail (TTDI).

“Keputusan ini dilakukan setelah mengambil kira warga kota kini telah terdedah sepenuhnya kepada penggunaan teknologi dalam

urusniaga sehari-hari.

“Selain itu, warga kota juga sememangnya telah terbiasa dengan urusniaga tanpa tunai sejak kebelakangan ini khususnya ketika tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP),” katanya.

Dalam pada itu, Khairul Anuar melahirkan kepercayaan bahawa warga kota telah bersiap sedia dengan perubahan tersebut dan seterusnya melayakkan mereka digelar sebagai *cashless society*.

“Apabila COVID-19 melanda seluruh dunia, ia telah membataskan pergerakan orang ramai untuk mendapatkan keperluan harian dan pembayaran

secara digital telah mengambil tempat urus niaga tanpa tunai (*Cashless*) kerana tidak memerlukan sentuhan dan membawa wang tunai.

“Ketika ini sahaja, pelbagai platform perniagaan atas talian telah ujud dengan disediakan perkhidmatan penghantaran menerusi konsep e-hailing, pick n pack dan sebagainya.

“Menerusi penggunaan yang meluas ini, DBKL yakin Urus Niaga Tanpa Tunai atau “*Cashless*” akan menjadi satu amalan dan budaya masyarakat akan datang ke arah penjaja yang lebih berdaya saing dan kompetitif,” katanya. **WK**



Perbadanan Labuan sentiasa pantau pematuhan SOP

KHAIRUL IDIN

PERBADANAN Labuan (PL) sentiasa memantau terhadap pematuhan prosedur operasi

standard (SOP) di bazar Ramadan bagi memastikan tidak berlakunya pelanggaran serta pengeluaran kompaun terhadap peniaga dan pengunjung.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Dr Fary Akmal Osman berkata, pihaknya sentiasa memantau pematuhan SOP di bazar Ramadan dibawah selian PL

bagi memastikan pematuhan SOP sentiasa dipatuhi.

Katanya, setakat ini pihaknya belum mengeluarkan sebarang kompaun terhadap peniaga dan pengunjung kerana tiada pelanggaran SOP yang didapati.

“Namun kita telah mengambil tenaga dengan pelbagai pihak untuk memastikan pelanggaran yang mengunjungi lima bazar Ramadan untuk sentiasa mematuhi SOP yang ditetapkan,” katanya kepada *Wilayahku* ketika menyampaikan juadah berbuka puasa kepada 272 pegawai dan kakitangan PL serta anggota rela di perkarangan Medan Selera, di sini pada Selasa.

Dalam pada itu, beliau turut meminta anggota penguatkuasa

untuk menjalankan pemantauan di lokasi bazar yang lain bagi memastikan pengunjung sentiasa mematuhi SOP yang ditetapkan.

Justeru itu, beliau mengesah orang awam agar sentiasa mematuhi SOP yang telah ditetapkan supaya aktiviti bazar Ramadan berjalan lancar.

Terdahulu, Kementerian Kesihatan (KKM) telah menurunkan kuasa kepada Datuk Bandar, Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan pegawai penguatkuasa PBT Gred 19 ke atas, untuk mengkompaun apa-apa kesalahan di bawah Akta 342 termasuk sebarang ketidakpatuhan SOP bazar Ramadan dalam satu kenyataan pada Rabu minggu lalu. **WK**



FARY AKMAL

Peniaga Bazar Ramadan WP

Bazar Ramadan Datuk Keramat

Imbas
kod QR
untuk
menonton
video



AMIN FARIJ HASAN



SEMANGAT keusahawanan peniaga menyediakan pelbagai juadah yang menarik selera pengunjung.



#wilayahpersekutuan
#wilayahprihatin



PENGUNJUNG bazar Ramadan kini lebih berdisiplin dengan mematuhi SOP ketat kawalan penyakit berjangkit yang ditetapkan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

SETAHUN yang lalu, kebanyakan peniaga bazar Ramadan terpaksa akur dengan keputusan kerajaan yang tidak membenarkan sebarang aktiviti perniagaan akibat dari pelaksanaan Perintah Kawalan Perniagaan disebabkan pandemik COVID-19.

Atas keprihatinan demi kelangsungan ekonomi dan hidup rakyat di bawah naungan Wilayah Persekutuan, Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa melalui Kementerian Wilayah Persekutuan dan agensi di bawahnya, para peniaga bazar Ramadan kini dibenarkan beroperasi dengan syarat wajib mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) mengawal jangkitan penyakit berjangkit yang ketat sekiranya ingin berniaga sepanjang bulan ramadan.

Secara keseluruhan, akibat dari pematuhan SOP yang ketat, wajah baru bazar Ramadan kelihatan lebih tersusun kemas dan bersih di mata pengunjung. Manakala pengunjung pula kelihatan lebih berdisiplin dalam membeli belah juadah kegemaran mereka selepas setahun mengidamkannya. **WK**



PERADUAN MEWARNA PM112



Adik-adik yang berumur 12 tahun ke bawah layak menyertai peraduan ini, asalkan adik-adik adalah warganegara Malaysia.

CARA MENYERTAI:

- Warnakan terus pada lukisan di dalam akhbar WilayahKu di atas, atau membuat salinan fotostat dan kemudian mewarnakan di atas salinan tersebut.
- Boleh menggunakan sebarang jenis alatan mewarna.
- Setelah siap, minta mak atau ayah rakam gambar lukisan adik-adik dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: wilayahku2018@gmail.com
- Sertakan sekali NAMA PENUH, UMUR, ALAMAT dan NO. TELEFON IBU/BAPA.
- Tarikh tutup penyertaan kali ini adalah **29 APRIL 2021**.
- Pemenang akan diumumkan dalam akhbar WilayahKu **Bilangan 113**.

3

PENYERTAAN TERBAIK
PADA SETIAP MINGGU
AKAN MENERIMA BAUCAR
TUNAI BERNILAI RM50.00.



Hantarkan video bakat anak anda yang berumur 14 tahun ke bawah tidak kira berbentuk nyanyian, bercerita, bersajak, berlakon atau sebagainya. Peserta yang terpilih akan dipanggil untuk ujibakat dan berpeluang untuk menyertai pasukan produksi WILAYAHKU TV.

DURASI VIDEO TIDAK LEBIH 2 MINIT.

Emailkan kepada:

wilayahku2018@gmail.com

Sertakan sekali NAMA PENUH, UMUR, ALAMAT dan NO. TELEFON IBU/BAPA.

KEPUTUSAN PERADUAN BILANGAN 108

Berikut adalah senarai nama pemenang bagi **Peraduan Mewarna PM108** dari akhbar WilayahKu Edisi 108:

MIZAH NUR FATHIMAH
(9 tahun)
Damansara,
Kuala Lumpur

NUR ALYA KHAIRUNNISA
(12 tahun)
Labuan

AWANG AKID HERMAN
(8 tahun)
Labuan




Karya Mizah Nur Fathimah

Berikut adalah senarai nama pemenang bagi **Teka Silang Kata TS108** dari akhbar WilayahKu Edisi 108:

FAIZ ABDUL RAZAK
(27 tahun)
Presint 6,
Putrajaya

KU ABDUL AZIM
(22 tahun)
Cheras,
Kuala Lumpur

HANIF ROSMAN
(36 tahun)
Labuan



Keputusan pemenang juga diumumkan di portal dan laman Facebook WilayahKu.

Kefahaman buat pengkaji bahasa



**MOHD THIBRONI
ABD HARIS**
Penolong Perancang Bahasa, DBP

PENYELIDIKAH adalah aktiviti ilmiah yang digerakkan oleh ahli ilmiah bagi mendapatkan pengertian atau pengetahuan yang lebih mendalam dan terperinci tentang perkara yang diselidiki.

Lapangan pula merujuk kepada medan berlakunya segala aktiviti yang ingin diselidiki. Penyelidikan bahasa di lapangan secara ringkasnya adalah aktiviti mengkaji bahasa daripada segala aspek termasuklah penyusunan sistem ejaan dan nahu bagi bahasa tersebut, sikap penutur terhadap bahasa yang dipertuturkan, asal usul bahasa dan pelbagai lagi teori yang timbul dan perlu dirungkai apabila sesuatu penyelidikan telah dijalankan.

Demikianlah pengertian penyelidikan bahasa di lapangan yang dikemukakan oleh Prof. Emeritus Dato' Dr. Asmah Haji Omar dalam buku beliau yang bertajuk Kaedah Penyelidikan Bahasa di Lapangan Edisi Kedua. Buku yang diterbitkan pada tahun 2018 ini mengandungi 111 halaman dan di bahagikan kepada lapan bab, ditulis berdasarkan pengalaman penulis sendiri sebagai penyelidik bahasa di lapangan selama tiga dekad.

Bab pertama buku Kaedah Penyelidikan Bahasa di Lapangan Edisi Kedua ini menceritakan

tentang latar belakang atau sejarah penyelidikan bahasa di lapangan.

Menurut penulis, penyelidikan lapangan yang juga disebut sebagai linguistik lapangan mula berkembang pada abad ke-20. Penyelidikan lapangan pada ketika itu dijalankan oleh ahli linguistik dan ahli antropologi yang pada awalnya bertujuan untuk mempelajari budaya setempat. Bagi tujuan tersebut, pengkaji pada ketika itu perlu mengetahui bahasa yang dipertuturkan oleh pengamal budaya yang hendak dikaji.

Dalam bab kedua pula, penulis telah menghuraikan faktor-faktor yang digunakan untuk membezakan antara penyelidikan lapangan huluan dan hiliran.

Setiap faktor yang disenaraikan juga disediakan penerangan yang membezakan kedua-dua kaedah penyelidikan lapangan tersebut. Contohnya, dalam aspek faktor tujuan penyelidikan, penulis menjelaskan bahawa penyelidikan lapangan huluan bertujuan untuk memberi bentuk tulisan kepada bahasa atau dialek, mendokumentasikan bahasa yang dikaji dan menganalisis bahasa dari sudut perbendaharaan kata, nahu, fonologi dan sebagainya. Penyelidikan lapangan huluan juga mengkaji bahasa yang masih belum dikaji atau didokumentasikan sebelum ini.

Penyelidikan bahasa hiliran pula antara tujuannya adalah mengkaji sikap penutur terhadap bahasa yang dipertuturnannya, peranan bahasa dalam kehidupan seharian penuturnya merangkumi adat resam

dan kepercayaan.

Pada bab ketiga yang bertajuk ciri dan pendekatan penyelidikan lapangan, penulis memberikan takrifan pada maksud 'ciri' dan 'pendekatan daripada sudut penyelidikan lapangan'. Penulis telah mengetengahkan beberapa ciri dan pendekatan dalam sesuatu penyelidikan bahasa antaranya, ciri dan pendekatan objektif. Melalui ciri ini, seseorang penyelidik akan masuk ke lapangan dengan sikap neutral, tidak berprasangka dan mempunyai rasa ingin tahu.

Dalam pendekatan ini, penyelidik akan mencatat dan merakam apa yang diberitahu kepadanya dan apa diperhatikan sahaja tanpa memasuki sikap, cita rasa dan pandangan dalam hasil kajian.

Dalam bab keempat yang bertajuk Anatomi penyelidikan Lapangan. Penulis telah menggariskan 11 anatomi atau turutan perkara dan kegiatan yang perlu dilakukan bagi menjayakan sesuatu kajian lapangan. Anatomi penyelidikan lapangan ini bermula dengan mengadakan konseptualisasi atau tujuan sesuatu penyelidikan lapangan itu

dilakukan dan berakhir dengan penulis hasil kajian. Pembaca boleh mendapatkan anatomi yang lengkap berkaitan penyelidikan bahasa di lapangan di dalam buku ini.

Pada bab kelima, pembaca akan diberikan panduan berkaitan teknik pemilihan informan, subjek, responden, dan kaedah

untuk penyediaan sampel. Penulis juga menjelaskan perbezaan antara informan dan responden dengan subjek dalam penyelidikan lapangan hiliran.

Pemberi maklumat dalam penyelidikan lapangan huluan dikenali sebagai informan, manakala dalam penyelidikan lapangan hiliran pula pemberi maklumat boleh

terdiri daripada informan, responden dan juga subjek. Penulis juga memberikan teknik-teknik pensampelan yang boleh dilakukan dalam penyelidikan bahasa di lapangan. Pensampelan dilakukan bertujuan untuk memilih sebilang kecil daripada kelompok yang dikaji bagi mewakili kelompok tersebut. Pensampelan ini dijalankan apabila melibatkan kawasan penyelidikan yang meluas seperti kajian dalam komuniti atau kampung.

Dalam bab keenam, penulis menerangkan tentang teknik mengumpul data dalam kaedah penyelidikan lapangan huluan. Menurut penulis, kaedah ini juga dikenali sebagai kaedah informan disebabkan kebergantungan yang tinggi pada informan. Antara kaedah yang dicadangkan oleh

penulis adalah kaedah lafadz atau kaedah senarai kata.

Melalui kaedah ini, penyelidik akan melafazkan satu demi satu perkataan dalam bahasa yang difahami oleh kedua-dua penyelidik dan informan dan informan diminta menyebut perkataan tersebut dalam bahasanya sendiri. Penyelidik perlu mempelbagaikan senarai kata untuk mendapatkan lebih maklumat bahasa.

Seterusnya pada bab ketujuh pula penulis menjelaskan tentang cara atau teknik mengumpul data dalam penyelidikan lapangan hiliran. Penulis juga menyenaraikan jenis penyelidikan lapangan hiliran berserta definisi jenis penyelidikan tersebut. Penulis menyatakan bahawa setiap teknik tidak dikhatuskan bagi sesuatu jenis penyelidikan. Penyelidik juga boleh menggunakan dua atau tiga teknik dalam sesuatu jenis penyelidikannya.

Pada bab terakhir iaitu bab kelapan, penulis menerangkan bahawa data adalah bahan yang di kumpul daripada penyelidikan di lapangan, yang kemudiannya perlu diolah dan dianalisis. Penulis juga menyatakan bahawa data boleh terdiri daripada data bahasa dan data bukan bahasa. Data daripada penyelidikan lapangan huluan berbeza dengan data penyelidikan lapangan hiliran. Cara dan teknik pengolahan data kedua-dua kaedah penyelidikan tersebut juga berbeza antara satu sama lain.

Buku Kaedah Penyelidikan Bahasa di Lapangan Edisi Kedua ini sesuai dijadikan rujukan oleh para pelajar dan penyelidik bahasa yang ingin membuat kajian dialek, bahasa sukuan dan sejarah bahasa Melayu. **WK**



PERSPEKTIF

Perpustakaan Negara jayakan norma baharu

MUHAMMAD MOHAMAD IDRIS
Pengamal Sumber Manusia

TAHUN 2021 merupakan tahun penting dalam menjayakan budaya ilmu bersepada dalam kalangan masyarakat lebih-lebih lagi dalam menjayakan dasar Dekad Membaca Kebangsaan (DKK) 2021-2030. Antara prasyarat penting dalam menjayakan dasar ini ialah peranan perpustakaan sebagai institusi penting dalam menyediakan iklim budaya ilmu yang mesra kepada pengguna. Malah, Kuala Lumpur merupakan kota strategik dan signifikan kerana memiliki beberapa buah perpustakaan besar yang bermanfaat kepada pengguna.

Dalam hal ini, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) yang bertempat di Jalan Tun Razak telah mengorak langkah ke depan dengan segera menyesuaikan diri

dengan norma baharu. Pihak pentadbir telah mengambil keputusan bijak dan berani dengan membuka semula perkhidmatannya kepada pengguna untuk hadir secara fizikal. Keputusan berkenaan amatlah penting kerana terdapat bahan rujukan di perpustakaan tidak boleh diakses melalui online kerana ia hanya belum didigitalkan dan selain ada bahan yang status langka.

Antara koleksi penting di PNM ialah Current Law Journal (CLJ) sebuah jurnal yang menerbitkan alasan pengakiman penting. Keberadaan jurnal ini membolehkan pengamal undang undang dan perhubungan perusahaan mengakses keputusan terkini mahkamah sebagai rujukan dalam amalan pekerjaan. Ini bagi memastikan pengamal bidang ini sentiasa dapat mengikuti

justifikasi yang telah diputuskan oleh para hakim bagi memastikan sebarang amalan pekerjaan dapat dilaksanakan mengikut lunas undang undang.

Selain itu, pengguna juga mengakses bahan rujukan klasik dan langka yang terdapat di sini. Misalnya, dalam ilmu pertanian, PNM memiliki kamus klasik berjudul, *A Dictionary of the Economic Products of the Malay Peninsula* setebal dua jilid karangan Isaac Henry Burkill (1870-1965). Koleksi ini penting kerana PNM memiliki edisi cetakan pertama tahun 1935 yang diterbitkan di London oleh Crown Agents for Colonies. Edisi ini merupakan edisi istimewa kerana sudah berstatus langka yang sukar didapati di pasaran dan diterbitkan sebelum merdeka.

Isaac telah menghimpunkan nama-nama tumbuhan yang terdapat di Semenanjung Malaysia. Bukan itu sahaja, nama-nama tumbuhan tradisional seperti lempoyang, lidah buaya, temu lawak telah dihimpunkan mengikut nama-nama saintifik berserta huraian yang panjang. Karya ini pernah disyorkan sebagai sebuah bacaan penting oleh



almahum Prof Diraja Ungku Aziz (1922-2020) kerana hasil kajian yang mengagumkan. Pastinya, keberadaan karya ini berpotensi membuka ruang dan peluang kepada pengkaji ilmu pertanian untuk memanfaatkannya sebagai salah satu bahan kajian pada masa depan.

Selain bidang pertanian, PNM turut memiliki koleksi bahan rujukan sejarah. Tamsilnya, jurnal sejarah terkenal, Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society (JMBRAS) yang menghimpunkan

tulisan ahli ahli orientalis terkenal termasuklah R. O. Winstedt, G. W. J. Drewes dan C. O. Blagden. Jurnal ini penting dan terkenal kerana pernah menjadi tempat perbahasan ahli orientalis membicarakan elemen kebudayaan negara termasuklah silsilah raja-raja Melayu, ketatanegaraan dan persuratan Melayu. Keberadaan jurnal ini membuka peluang untuk pembaca untuk menilai tafsiran mereka terhadap sejarah negara kita dengan cermat dan tertib. **WK**

Minggu Infaq Putrajaya serikan Ramadan



AINI MAWAWI

BAGI menggalakkan orang ramai menderma sekali gus menambahkan pahala dalam bulan Ramadan, Perbadanan Putrajaya (PPj) mengambil inisiatif menganjurkan program Minggu Infaq Putrajaya bermula 19 April hingga 2 Mei 2021 bertempat di Kompleks Perbadanan Putrajaya.

Selain beramal sambil menderma, program yang bermula sejak tahun 2018 tersebut bertujuan mempromosikan kewujudan sudut infaq di surau-surau Putrajaya kepada komuniti.

Menurut Penolong Pengarah Kanan Bahagian Komuniti PPj, Izza Nina Hajemi, melalui program tersebut, sudut infaq di 10 buah surau terpilih di Putrajaya

dapat dipenuhi dengan stok barang asas untuk didermakan kepada golongan asnaf.

"Kita bantu kumpul dan tambah stok-stok barang untuk disalurkan ke sudut infaq tersebut. Alhamdulillah sejak tiga tahun lalu, ia mendapat sambutan bukan sahaja dalam kalangan individu persendirian bahkan pihak syarikat dan badan korporat juga turut menderma," ujarnya kepada Wilayahku.

Tambahnya lagi, sepanjang pengajuran bermula 2018 sehingga 2019, PPj berjaya mengumpul kutipan sebanyak RM 30,976.85 dalam bentuk wang tunai dan barang keperluan harian.

"Tiada sasaran jumlah tertentu



IZZA NINA

namun kami menerima seadanya sumbangan daripada pihak yang bermurah hati," ujarnya.

Kata Izza Nina lagi, pada tahun 2020, program tersebut pernah dihentikan seketika kerana penularan wabak COVID-19.

Walaubagaimanapun PPj tetap meneruskan kesinambungan usaha dengan menyalurkan RM20,000 dalam bentuk barang keperluan harian.

"Berbeza dengan tahun lepas, memandangkan masih dalam Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), kita mulakan semula mengumpul derma untuk membantu mereka yang memerlukan membuat persediaan menyambut Syawal.



IZZA Nina (kanan) hadir menyaksikan sumbangan yang diterima daripada penderma baru-baru ini.

"Selain menyalurkan sumbangan kepada sudut infaq surau-surau Putrajaya, hasil tersebut turut disumbangkan kepada keluarga asnaf di bawah sistem eKash Putrajaya dan sekolah Tahfiz," ujarnya.

Sepanjang berlangsungnya program ini, pelbagai aktiviti telah disusun bagi memeriahkan dan mempromosikan Minggu Infaq

antaranya Tazkirah Muzikal yang menampilkan Afad Raihan & Friends bersama penceramah selebriti seperti Pu Rahmat, Ustaz Toha Tan Sri Hassan Azhari, Ustaz Ghazali Ibrahim dan Ustaz Dr Asyraf Suarin.

Selain itu, turut diselitkan persembahan lain seperti gambus, mawlid qasidah, nasyid dan bacaan al-Quran. **WK**

Bazar Ramadan Putrajaya lebih sistematik, patuh SOP

TIDAK dinafikan setiap kali tibanya Ramadan, kemeriahannya lebih terasa dengan adanya pengajuran bazar bagi memudahkan orang ramai mendapatkan juadah berbuka puasa.

Di Putrajaya misalnya, pengajuran tersebut dilihat berjalan lancar dengan adanya prosedur operasi standard (SOP) ketat yang dikeluarkan pihak Perbadanan Putrajaya (PPj).

"Antara yang dilakukan adalah pengawalan kemasukan pengunjung melalui sistem kad bernombor di dua pintu masuk utama yang dihadkan kepada jumlah 800 hingga 1000 orang selama 30 minit bagi memberi peluang kepada pengunjung lain.

Noor Sita Abbas berkata, bagi menjayakan Bazar Ramadan Putrajaya pada tahun ini, PPj melaksanakan 11 kaedah pengawalan SOP yang ketat selain pematuhan kepada lima amalan asas SOP Majlis Keselamatan Negara (MKN).

"Selain itu, PPj juga melaksanakan pengumuman melalui siar raya dan

kereta peronda dalam sela masa 30 minit bagi mengingatkan para pengunjung supaya mematuhi SOP sepanjang berada di bazar," ujarnya kepada Wilayahku.

Menariknya, pengunjung juga boleh merujuk kepada risalah menu yang telah dimuat naik di laman Facebook dan Instagram PPj untuk memilih juadah pilihan.

"Apabila sampai di bazar, mereka hanya perlu menuju ke gerai yang telah dipilih. Ini memudahkan pengunjung merancang menu pilihan sekali gus mengelakkan membuang masa selain lebih berjimat cermat."

"PPj juga tidak membenarkan tiga kategori pengunjung memasuki bazar iaitu kanak-kanak yang berumur bawah 12 tahun, warga emas dan mereka yang sedang menjalani kuarantin," ujarnya.

Tambahnya lagi, setakat ini para peniaga dan pengunjung bazar amat komited dalam mematuhi kesemua SOP dengan baik.

"Jumlah purata kunjungan harian adalah 4400 orang dan menjadi harapan PPj agar bazar Ramadan Putrajaya dapat memulihkan keadaan ekonomi peniaga selain memberi kemudahan kepada penduduk Putrajaya untuk mendapatkan juadah dengan mudah, selamat dan selesa," katanya.

Tahun ini, PPj mengadakan empat lokasi bazar di Bazar Ramadan Putrajaya Presint 3, Mini Bazar Ramadan Laman Duta Presint 15, Mini Bazar Ramadan Laman Perdana Presint 1 dan Food Truck Laman Iftar Kompleks Perbadanan Putrajaya Presint 3. **WK**



NOOR SITA

Berbuka puasa sambil bersantai

SANTAI. Padang Dataran Putrajaya, Presint 3 yang terletak berhadapan Perbadanan Putrajaya (PPj) menjadi lokasi tumpuan pengunjung berbuka puasa bersama kaum keluarga tersayang mahupun rakan-rakan sepanjang bulan Ramadan.

Kebiasaannya mereka mengambil peluang membeli juadah berbuka di bazar berhampiran terlebih dahulu sebelum memilih lokasi yang dirasakan sesuai untuk berbuka puasa.

Tinjauan Wilayahku

mendapati seawal pukul 6 petang, pengunjung dilihat sudah mula membanjiri dataran tersebut namun dalam masa yang sama masih mengamalkan prosedur operasi standard (SOP) seperti penjarakan sosial.

Menariknya, sepanjang Ramadan pelbagai aktiviti diadakan antaranya program Minggu Infaq Putrajaya 2021 yang diserikan dengan persembahan gambus, tazkirah muzikal, persembahan nasyid dan sebagainya. **WK**



ORANG ramai bersantai di hadapan Dataran PPj sambil menanti waktu berbuka puasa.

NO GERAI	MENU	NAMA KOMERSIAL
1	KAMBING GRILL/BAKAR	WALI KAMBING GOLEK
2	AYAM GOLEK	AYAM GOLEK KAK SEHAB
3	KAMBING BAKAR	KAMBING BAKAR PUTRAJAYA
4	NASI KERABU , LAKSAM	NASI KERABU MEK
5	POPIAH BASAH DAN POPIAH GORENG	S.S. ALI POPIAH
6	NASI AYAM DARA DAN NASI LEMAK	NASI KUKUS & NASI LEMAK ANS STATION
7	TEPUNG PELITA NIR, PUDDING KARAMEL	TEPUNG PELITA NIR
8	NASI KUNING DAN NASI AYAM PENYET	AYAM PENYET MANTUL (MANTAP BETUL)
9	AIR KELAPA DAN AIR TEBU	AIR KELAPA SERI WILAYAH
10	NASI BERIYANI DAN NASI TOMATO	PAK WAN NASI BERIYANI
11	MURTABAK	MURTABAK

ANTARA senarai menu dan nombor gerai yang dimuat naik di laman sosial PPj bagi memudahkan pengunjung.

Malaysia Prihatin bantu golongan susah secara telus - Zara Zya



DEEL ANJER

NIAT murni pelakon popular **Zara Zya** untuk membantu rakyat semakin diper mudahkan apabila laman web malaysiaprihatin.com yang diwujudkan menggunakan modalnya seratus peratus mendapat sokongan ramai artis dan masyarakat.

Menurut Zara Zya atau nama sebenarnya Zainurul Razia Mohd Zainuddin, 36, laman web itu diwujudkan bagi memudahkan orang ramai untuk menyumbang dan mencari badan kebajikan yang memerlukan.

“Malaysia Prihatin ini membantu golongan susah atau memerlukan secara telus.

“Dengan adanya laman web ini, ia sebenarnya lebih memudahkan sesiapa sahaja yang mahu menyalurkan sumbangan atau dana,” katanya.

Zara Zya turut menyatakan, sistem yang telus itu membolehkan sesetengah individu menunaikan zakat tanpa rasa ragu-ragu berbanding iklan yang memaparkan nombor akaun.

Malah, katanya, laman web berkenaan juga menyediakan resit dan bukti pembayaran sumbangan walaupun hanya RM1.

Menyentuh tentang kemudahan yang ada dalam

lan man web itu, dia memaklumkan, sesiapa yang ingin menderma, boleh terus ke laman web dan memilih kategori golongan yang difokuskan sebagai penerima.

“Antara kategori untuk sumbangan ini adalah kemanusiaan, perubatan, pendidikan, bencana, selebriti dan keagamaan.”

“Dalam masa sama, pihak kami juga membuat tapisan dan mengenal pasti golongan penerima sama ada mereka adalah pihak susah atau sebaliknya.

“Kalau pertubuhan bukan kerajaan (NGO), kita perlukan butiran pendaftaran syarikat (ROS) dan kalau individu pula kita akan siasat latar belakang,” jelas Zara Zya kepada Wilayahku pada majlis Selebriti Prihatin Bersama Rumah Bakti Al-Kausar baru-baru ini.

Dalam acara ini, Zara Zya bersama artis-artis lain iaitu Fara Fauzana dan Jihan Muse membawa lebih 30 anak yatim membeli pakaian raya yang diidamkan mereka.

Perbelanjaan mereka menggunakan dana yang disalurkan orang ramai melalui laman web malaysiaprihatin.com.

“Alhamdulillah.. saya rasa seronok apabila Fara dan Jihan sanggup turun bersama-sama saya untuk meraikan anak-anak yatim membeli baju raya kegemaran mereka.



“Dengan adanya rakan artis, mereka boleh sebarkan lagi kebaikan laman web ini.

“Hanya tuhan sahaja yang tahu perasaan saya apabila melihat wajah gembira anak-anak yatim. Apa yang penting, ini antara saham akhirat kepada semua yang memberikan dana untuk mereka,” luahnya lagi.

Antara artis lain atau ikon selebriti yang turut menyokong laman web tersebut adalah Datuk Aaron Aziz, Baby Shima, Achey, Zulin Aziz, Ippo Hafiz, Dynas Mokhtar, Umno Nazeera, Rozita Che Wan, Daniel Zaini, Ezad Lazim dan ramai lagi.



Fara Fauzana gembira sertai acara amal

SELEBRITI serba boleh, **Fara Fauzana**, 41, mengatakan dirinya menyokong kerja amal yang dilakukan Zara Zya.

“Alhamdulillah, sangat teruja sebenarnya. Saya memang menunggu aktiviti seperti ini sejak dari awal Ramadan lagi. Memang tidak sabar untuk bertemu dengan anak-anak yatim.

“Tambahan pula saya dan artis yang terlibat kali ini sudah lama tidak berjumpa. Syukur, kami berjumpa dalam acara amal sebegini,” katanya.

Terdahulu, Fara memberitahu, dia ditugaskan untuk membawa kanak-kanak lelaki membeli baju Melayu.

“Ia sangat mudah sebab mereka tidak cerewet dan tahu apa yang dimahukan.

“Apa yang saya boleh cakap, kegembiraan mereka adalah kepuasan saya,” luah Fara Fauzana yang turut berterima kasih kepada semua yang menyalurkan dana untuk anak-anak yatim.



Jihan Muse kagumi usaha Zara Zya

PENGACARA dan pelawak terkenal, **Jihan Muse**, 37, memuji kesungguhan Zara Zya dalam usahanya untuk membantu golongan yang memerlukan.

“Alhamdulillah, aktiviti amal ini dapat dikatakan berlangsung dengan baik dan semua ini dirancang oleh Zara Zya. Ini adalah idea Zara dan saya antara artis yang menyokong laman web malaysiaprihatin.com.

“Apabila dia anjurkan aktiviti bersama anak-anak yatim, saya dan artis-artis lain memang sokong usahanya.

“Dengan adanya pihak media datang membuat liputan, saya nampak kesungguhan Zara sendiri terhadap apa yang dia perjuangkan.

“Kami sering ikut aktiviti amal. Tak sangka Zara sudah ke fasa yang lebih jauh. Saya terharu dengan apa yang dia lakukan,” katanya yang turut melayan anak-anak yatim membeli baju raya.

“Saya sendiri puas hati apabila melihat mereka gembira memilih baju raya yang disukai.

“Kebiasaannya mereka akan ikut apa yang telah diaturkan oleh guru. Menyedari mereka ada kesukaan masing-masing, jadi kami meminta kebenaran daripada guru tersebut agar memberi kelonggaran kepada mereka memilih tema atau corak baju yang disukai.

“Jadi nampak mereka ceria. Apa yang kami mahukan adalah rasa gembira mereka di hari raya nanti,” ujar Jihan Muse. **W.K**



Resepi istimewa lamb shank menggantit pengunjung The Linc



NAZWIN NAZRI

BERKONSEPkan citarasa gabungan Timur Tengah dan tempatan, Ben's Independent Grocer (B.I.G.) memperkenalkan set Ramadan terbaharu di restoran The Grocer's Kitchen miliknya.

Menampilkkan juadah istimewa yang dicipta daripada resepi khas chef berpengalaman lebih 15 tahun, set Ramadan B.I.G. pastinya menepati selera setiap pelanggan yang hadir.

Ini kerana, resepi *lamb shank* yang diadun istimewa oleh Chef Eksekutif, **Khairul Azhar Wahid** menawarkan rasa mewah daripada lebih 10 rempah ratus, di samping daging kambing yang lembut dan

mencair di dalam mulut.

Menurut Khairul Azhar, resepi itu direka khas olehnya dan mengambil tempoh kira-kira satu minggu untuk mendapatkan hasil terbaik yang menyelerakan.

"*Lamb shank* ini ada lebih kurang 12 rempah ratus. Ia adalah gabungan gaya Barat yang diadun bersama tomato puri bagi menghasilkan rasa sedikit masam.

"Menu ini sesuai dihidangkan bersama nasi beriani dan ayam panggang madu tiga yang kemudiannya disegarkan dengan air keladi leleh vanila. Air keladi menggunakan susu segar serta 'toping' aiskrim vanila," katanya baru-baru ini.



Bercerita lanjut tentang set Ramadan yang ditawarkan di B.I.G., beliau memberitahu, konsep yang diketengahkan pada tahun ini adalah gabungan Timur Tengah dan tempatan.

Katanya, konsep Timur Tengah adalah kerana hidangan fokus kepada kambing manakala nasi beriani adalah hasil olahan yang dicampur bersama resepi tempatan.

Khairul Azhar berkata, pihaknya menyediakan tiga set menu bagi santapan individu dan santapan 4 yang berharga serendah RM36 hingga RM54 manakala set keluarga bermula RM230 hingga RM580.

Menurutnya, santapan keluarga untuk enam hingga lapan orang

dibahagikan kepada dua set iaitu Ramadan A dan Ramadan B.

Namun katanya, kedua-duanya hidangan itu diserikan juadah gado-gado, kuih bijan, karipap pusing dan cucur udang tok wan sebagai pembuka selera serta disegarkan dengan air keladi leleh vanila bersama buah-buahan sebagai pencuci mulut.

"Set Ramadan A menampilkan B.I.G. nasi beriani, *lamb shank* pak Arab, ayam panggang madu 3, acar sri rampai serta satay ayam sebagai hidangan utama.

"Bagi Ramadan B pula, hidangan ini diistimewakan dengan kaki kambing bakar Timur Tengah yang disajikan bersama B.I.G. nasi beriani, *lamb shank* pak Arab, ayam panggang madu 3, acar sri rampai serta satay ayam sebagai juadah utama," katanya.

Beliau berkata, pelanggan yang memilih berbuka puasa di rumah, set Ramadan tersebut boleh dipesan melalui Grab Food dan Food Panda tanpa ais

krim vanila untuk minuman air keladi.

Tambahnya, restoran B.I.G. di The Linc, Kuala Lumpur menyediakan 120 tempat duduk dan pelanggan boleh datang seawal pukul 4 petang sehingga 9 malam serta tidak perlu membuat tempahan bagi hidangan individu dan santapan 4.

"Manakala hidangan keluarga perlu ditempah sehari sebelum tarikh yang diingini," katanya.

Citarasa Ramadan The Grocer's Kitchen boleh didapati di B.I.G. IPC, B.I.G. The Linc dan B.I.G. Mall of Medini mulai 16 April sehingga 12 Mei 2021.

Untuk tempahan, pesanan dan pertanyaan, hubungi B.I.G. IPC (603-7731 3230), B.I.G. Mall of Medini (607-510 2399), B.I.G. The Linc (603-21816011) dan harga tertakhluk kepada 6 peratus SST.

W.K



KHAIRUL AZHAR

THE GROCER'S KITCHEN

Lokasi: B.I.G. The Linc,
Kuala Lumpur
Tempat duduk: 120 orang
Keunikan: Ruang makan berkonsep taman

JaPen bekerjasama dengan Jabatan Kesihatan Labuan

Bantu masyarakat daftar vaksin



KORESPONDEN
KHAIRUL IDIN

JABATAN Penerangan Labuan (JaPen) dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Labuan turun padang bagi membantu masyarakat untuk mendaftarkan diri dalam Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan.

Menurut Pengaruhnya, **Supian Musa**, JaPen yang berada di bawah Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) Labuan telah membuka kaunter pendaftaran vaksin COVID-19 di lokasi-lokasi strategik.

"Kami membuka kaunter bagi pendaftaran pelaksanaan pemvaksinan COVID-19 fasa dua dan tiga, kita dapat kerjasama daripada Jabatan Kesihatan dan Jabatan Penyiarian Labuan untuk menggalakkan orang ramai menyahut seruan kerajaan untuk mendaftar sebagai penerima vaksin," katanya.

yang ditemui semasa JaPen Labuan membuka kaunter tersebut di Bazar Ramadan, Medan Selera Labuan pada Sabtu.

Tambah beliau lagi, pihaknya turut membuat edaran bahan-bahan penerbitan Jabatan Penerangan Malaysia kepada para pengunjung dan apron sumbangan Pengurus Perbadanan Labuan, Datuk Seri Amir Hussien kepada peniaga-peniaga di situ.

"Edaran apron ini sebagai simbolik kepada keperluan kita mematuhi SOP yang dikuatkuasakan, semoga program ini memberi kesedaran kepada semua pihak untuk membudayakan norma baharu.

"Pendekatan secara bersama-sama ini kita gunakan untuk membantu kaedah pendaftaran yang disediakan kerajaan melalui aplikasi MySejahtera," katanya.

Salah seorang pengunjung bazar Ramadan yang mendaftarkan diri sebagai penerima vaksin COVID-19, Mohd Nazaruddin Nazeri, 36, berkata inisiatif JaPen itu memudahkan orang ramai yang ingin membuat pendaftaran.



AMIR (kiri) bersama SUPIAN (kanan) menyerahkan apron dan bahan-bahan edaran terbitan Jabatan Penerangan Malaysia kepada salah seorang peniaga di bazar Ramadan Medan Selera.

Kaunter ini memudahkan orang ramai terutamanya bagi warga emas yang kurang arif mendaftarkan diri melalui MySejahtera, pendekatan ini boleh diteruskan di tempat lain seperti di kawasan kampung ser-

ta lokasi yang strategik agar lebih ramai yang mendaftarkan diri sebagai penerima vaksin," katanya.

Bagi Mohd Bahrin Abdi Rahman, 22, pula, inisiatif JaPen Labuan itu amat tepat pada

waktunya.

"Inisiatif ini amat sesuai kerana ramai warga tempatan turun membeli juadah berbuka di bazar ini dan ia memudahkan JaPen mendekati masyarakat pelbagai lapisan di sini," katanya.

Beliau turut menyeru orang ramai terutamanya warga muda untuk tidak terpengaruh dengan agenda anti vaksin kerana vaksin mampu melindungi diri serta masyarakat dari COVID-19.

Sementara itu, Pengurus Perbadanan Labuan, Datuk Seri Amir Hussien turut menyeru semua pihak untuk terus mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan oleh kerajaan.

"Edaran apron ini adalah untuk mengingatkan kembali keperluan mematuhi SOP dan ingin meninjau sendiri cara perniagaan yang dijalankan dengan norma baharu.

"Tinjauan kami mendapati para peniaga dan penduduk Labuan mematuhi peraturan yang disediakan dan kita harap perkara ini akan diteruskan sehingga penghujung Ramadan," jelasnya. WK

FRIM tawar kepakaran bantu landskap dan eko pelancongan di Labuan

PERBADANAN Labuan (PL) ditawarkan kepakaran teknikal dan khidmat nasihat Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) bagi meningkatkan pengurusan landskap dan pokok ameniti di Pulau Bebas Cukai itu bagi merealisasikan sebagai wilayah lestari.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutifnya, **Dr Fary Akmal Osman**, kesepakatan itu dicapai menerusi perbincangan di antara pihaknya dengan Ketua Pengarah FRIM Dr Khalil Aziz Hamzah semasa kunjungan hormat ke institusi itu baru-baru ini.

Katanya, FRIM telah ber-setuju akan membuka pusat penyelidikannya di Labuan yang dijangka akan melebarkan tanggungjawab dan peranan FRIM di kawasan timur Malaysia.

"PL dan FRIM ber-setuju akan mengadakan Memorandum Persefahaman (MoU) bagi merealisasikan hasrat murni ini termasuklah dalam meningkatkan pengurusan dan pembangunan eko pelancongan di kawasan paya bakau Kinabalu," katanya dalam satu kenyataan baru-baru ini.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Perkhidmatan Perbandaran PL Datuk Dr Othman Che Jusoh,

Pengarah Bahagian Perhutanan dan Alam Sekitar FRIM Dr Ismail Parian.

Jelas beliau lagi, pihak FRIM turut mencadangkan untuk membangunkan skywalk di Kinabalu dan menjadikan sebagai tarikan produk pelancongan yang baharu.

Justeru itu, beliau berharap agar pihak FRIM dapat memberikan khidmat nasihat dan kepakaran teknikal dalam menambah baik Taman Botani Labuan dari segi pengurusan landskap dan koleksi penanaman dan landskap pantai serta pulau sekitar Labuan. WK



FARY (dua kiri) menyerahkan cenderahati kepada Khalil (dua kanan) semasa kunjungan rasmi PL ke FRIM, baru-baru ini.



MUTALIB (tiga dari kanan) dan Nazera (dua dari kiri) menyampaikan paket makanan juadah berbuka puasa kepada penerima.

MBL agih 200 pek makanan juadah berbuka kepada petugas

SEBANYAK 200 pek makanan juadah berbuka puasa diagihkan kepada petugas barisan hadapan dan pekerja buruh di Pulau Bebas Cukai itu menerusi Program Dapur Majlis Belia Labuan (MBL) Prihatin 2.0, baru-baru ini.

Program itu merupakan anjuran MBL dengan kerjasama Parlimen Belia Labuan dan Jabatan Belia dan Sukan (JBS) Labuan dan serta Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda (ARPRM) sempena bulan Ramadan.

Menurut Presiden MBL, **Abdul Mutalib Sahari**, pihaknya mengadakan program itu bertujuan mengukuhkan kerjasama di antara ahli-ahli agar sentiasa bekerjasama di antara satu sama lain.

Katanya, 200 pek makanan juadah berbuka yang disediakan diberikan kepada petugas barisan hadapan dan

pekerja buruh serta kerja-kerja agihan itu turut dipantau oleh pegawai Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

"Kami sedar dan sedia maklum dengan situasi pandemik yang telah melanda negara kita dan pihak pengangur sentiasa memastikan program ini dijalankan mengikut SOP yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa," katanya kepada Wilayahku baru-baru ini.

Sementara itu, Ahli Parlimen Belia Labuan, Nazera Roslan berkata dengan program seperti itu dapat diteruskan kelak kerana ia memberi impak positif kepada belia dan masyarakat di pulau ini.

"Ia dapat memupuk keprihatinan belia-belia terhadap barisan hadapan yang sentiasa bekerja bertungkus-lumus berusaha mengekang penularan wabak COVID-19," katanya. WK

KOMUNITI & MPP

Pembaca Wilayahku boleh kongsikan foto-foto dan aktiviti menarik untuk siaran ruangan ini. Hantarkan e-mel foto berserta keterangan mengenai aktiviti atau program tersebut kepada kami di editorwilayahku@gmail.com dan WhatsApp 011 - 5958 7489. Lampirkan juga nama pengirim dan nombor telefon untuk dihubungi.

Prihatin nasib warga, Puteri UMNO santuni insan memerlukan

SHAHIDI BAKAR

SEAWAL 2.00 pagi Ahad lalu, jentera Puteri Umno Malaysia dan bahagian masih lagi mempersiap segala keperluan untuk disumbangkan kepada gelandangan di beberapa lokasi sekitar ibu kota.

Ketika insan lain nyenyak tidur dibuai mimpi, lain pula situasinya bagi sekumpulan lebih 10 wanita yang prihatin terhadap nasib gelandangan.

Mereka kemudiannya, tampil menghulur bungkus makanan sebagai tanda kasih sesama insan.

Misi Singgah Sahur diterajui Ketua Pergerakan Puteri Umno Malaysia, Datuk Zahida Zarik Khan ditemani Ketua Puteri Wilayah, Linda Ghazali dan Ketua Puteri Putrajaya, Jumaitul Laili Zakiah dan lain-lain menyerahkan bungkus makanan untuk gelandangan di

beberapa lokasi sekitar ibu kota.

Kecekalan mereka sanggup meredah dingin pagi bertemu satu demi satu gelandangan masih tidur nyenyak beralaskan 'tilam' kotak sambil 'dibelai' asap ubat nyamuk sebagai penambah selesa, perlu diteladani untuk kebaikan bersama.

"Tidak pernah terfikir mereka tidur hanya berasal sekeping kotak di tempat tidak selesa.. Namun itulah realiti kehidupan yang mereka sendiri tidak mahukan jadi apa salahnya kita yang ada sedikit kemampuan bantu redakan kesusahan mereka," kata Zahida selepas sumbangan Singgah Sahur di Kuala Lumpur.

Selain sumbangan kepada lebih 50 gelandangan, misi bermula pukul 2 pagi sehingga 4 pagi itu turut meraih petugas barisan hadapan seperti pasukan polis di IPK Kuala Lumpur dan anggota bomba di

balai berdekatan.

Bagi Ahli Sekretariat Misi Singgah Sahur, **Robiah Abd Rani**, pelaksanaan program itu antara usaha menyahut seruan Menteri Wilayah Persekutuan yang mahu lebih banyak pihak tampil membantu golongan memerlukan.

"Kali ini sumbangannya adalah makanan, topeng pelitup muka dan pembasmikan kuman yang diagih di Pusat Transit Gelandangan dan beberapa lagi lokasi di sekitar Kuala Lumpur.

"Walaupun sumbangan ini tidak mampu selesaikan keperluan gelandangan, namun sedikit sebanyak menjadi penawar keresahan dialami mereka yang berdepan kesukaran termasuk hilang pendapatan akibat pandemik COVID-19 ini," katanya yang juga Ketua Puteri Umno Bahagian Bukit Bintang. **WK**



ZAHIDA dan pasukan Misi Singgah Sahur menyerahkan sumbangan kepada gelandangan di sekitar ibu kota.

MPPWP Sub Zon 3 bantu 23 keluarga di Lembah Pantai, beri manfaat kepada B40

INISIATIF bantuan MYBeras@ Wilayah dijalankan secara berkala ternyata memberi manfaat untuk warga penduduk memerlukan khususnya melalui sumbangan kepada golongan sasar iaitu warga B40 yang menetap di Wilayah Persekutuan.

Terkini, sumbangan produk makanan ruji tersebut diserahkan kepada 23 keluarga masyarakat India sekitar Lembah Pantai dilaksanakan Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) Sub Zon 3, diwakili Ahli Jawatankuasa **V. Angamuthu** juga Pengurus MIC Taman Bukit Angkasa Lembah Pantai.

V. Angamuthu berkata,

inisiatif bantuan MYBeras @Wilayah usaha proaktif

Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), membantu meringankan beban penduduk terkesan akibat pandemik COVID-19.

"Sumbangan ini membolehkan 23 wakil keluarga memerlukan memperoleh 5 kilogram beras setiap seorang. Terima kasih Penasihat MPPWP Lembah Pantai yang juga Ketua UMNO Bahagian, Datuk Ramli Askolani atas bantuan melancarkan lagi urusan agihan bantuan ini."

"Tidak dilupa Pengurus MPPWP Lembah Pantai juga merangkap Timbalan Ketua UMNO Bahagian Lembah Pantai, Tengku Datuk Zuhri Tengku Abd. Aziz yang memberikan kepercayaan kepada saya untuk mengendali sumbangan ini di

Sub Zon 3," katanya. V. Angamuthu menzhirkir harapannya semoga warga memerlukan tidak berterusan bergantung kepada bantuan semata-mata, sebaliknya terus berusaha dan mengambil peluang terhidang bagi mengubah kelangsungan hidup.

"Pelbagai kemudahan disedia untuk warga yang tinggal di Wilayah Persekutuan antaranya lesen niaga sementara dan bantuan gerai bergerak bagi memudahkan anggota masyarakat menjana hasil pendapatan yang berterusan.

"Jadi, manfaatkan setiap peluang yang terhidang dengan sebaik mungkin demi kestabilan ekonomi keluarga masing-masing," katanya. **WK**



V. Angamuthu (tengah) selepas selesai menyampaikan sumbangan MYBeras@Wilayah kepada 23 warga memerlukan di sekitar Lembah Pantai.

Tahap pematuhan SOP peniaga Bazar Ramadan UTC, memuaskan

HASIL tinjauan yang dilakukan berkenaan tahap pematuhan SOP peniaga di Bazar Ramadan UTC Batu Caves, Selayang telah didapati dalam situasi memuaskan.

Pengerusi Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) Parlimen Batu, **Gulam Muszaffar Gulam Mustakim** berkata, tinjauan dan pemantauan dilakukan pada petang Jumaat lalu (16 April), bagi memastikan tiada isu berbangkit sehingga menjelas usaha mencegah COVID-19.

Katanya, kriteria seperti ditetapkan pihak berwajib difahami dan dipatuhi setiap peniaga terlibat dan juga mendapat kerjasama petugas barisan depan seperti polis dan anggota RELA yang mengawal selia keadaan peniaga dan pengunjung.

"Alhamdulillah SOP di sini dijalankan dengan baik dengan kerjasama barisan hadapan seperti polis dan RELA melaksanakan tugas dengan gigih."

"Dalam sesi tinjauan ini, saya bersama Pengurus MPPWP Sub Zon 1, Parlimen Batu, Samsudin Yaacob sangat berpuas hati



SEORANG anggota RELA ditempatkan di laluan masuk ke Bazar Ramadan UTC bagi merekodkan suhu setiap pengunjung yang hadir.

dan ingin menyeru para peniaga untuk meneruskan usaha baik sebegini.

"Bagi para pengunjung Bazar Ramadan UTC ini pula, mereka diingatkan supaya kekal patuh

kepadanya penjarakan sosial yang ditetapkan dan elakkan diri daripada berebut dan bersesak demi untuk kebaikan serta keselamatan bersama," katanya. **WK**

AFIFAH AFIZAL

GOOLONGAN muda di negara ini bahkan di seluruh dunia terpaksa menghadapi pelbagai rintangan akibat pandemik COVID-19 yang telah menjelaskan kesihatan dan ekonomi seluruh dunia.

Hal ini telah menyebabkan ramai anak muda mula memainkan peranan yang aktif dalam menangani isu global yang harus sentiasa diperkasakan di semua peringkat.

Presiden dan Pengasas Universiti Limkokwing, **Tan Sri Prof. Emeritus Dr. Lim Kok Wing** berkata, perkara ini penting kerana penularan pandemik COVID-19 menyebabkan golongan muda tiada pilihan selain berusaha mengadaptasi diri untuk berdepan suasana kebiasaan norma baharu.

"Pemimpin muda atau golongan ini berdepan dengan keadaan yang memberi kesan dan implikasi selain menjarak dan menjauahkan kehidupan masyarakat daripada aspek fizikal dan mental.

"Sehingga menjadi punca kepada kemaslahatan dalam membina jati diri untuk menyumbang dalam pembangunan negara," katanya dalam satu kenyataan.

Selain itu, beliau berkata kesemua sektor pekerjaan di

Lim Kok Wing: Pemimpin muda lakar realiti norma baharu

seluruh dunia termasuk Malaysia amat terkesan dengan pandemik COVID-19.

Malah, Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) memberi bayangan lebih ramai akan hilang pekerjaan dalam tempoh beberapa bulan akan datang.

"Hilang punca pendapatan terutama dalam situasi kini bukan perkara kecil dan boleh mengakibatkan tekanan, gangguan emosi serta kemurungan.

"Dalam perkara ini, pemimpin dan golongan muda ini perlu dibimbangi kembali dalam soal pembangunan jati diri.

"Golongan ini perlu dibimbangi semula untuk menjuarai isu berkaitan pengurusan dan kepimpinan.

"Untuk itu, kerajaan disarankan mengambil pendekatan lebih sistematis dengan mengatur program dan dilaksanakan untuk golongan muda yang disesuaikan mengikut prosedur operasi standard (SOP) dan pendekatan berbeza bagi memastikan



PEMIMPIN muda perlu melakukan perubahan seiring transformasi era digital negara.

keselamatan serta kesejahteraan bersama terpelihara," ujarnya lagi.

Beliau yang juga dikenali sebagai Bapa Inovasi dalam Pendidikan Kreatif, beranggapan bahawa kecemerlangan negara pada masa depan terletak pada pemimpin muda.

"Modal insan Malaysia perlu diperkuuhkan dalam melahirkan pemimpin muda yang baik, boleh berfikir dan bertindak secara bijak dalam pembudayaan norma baharu agar ia terus relevan, berjaya mencipta kelainan, mewujud serta menambah nilai.

"Ini akan membolehkan pemimpin muda negara kembali meletakkan misi dan matlamat untuk menguruskan perubahan persekitaran yang produktif dalam memacu penciptaan nilai dan pembangunan modal insan selepas negara ini bebas daripada wabak COVID-19," jelasnya.

Menurutnya lagi, sektor

pendidikan negara harus melakukan perubahan seiring transformasi era digital supaya dapat mengekalkan persekitaran daya saing dalam ekonomi global.

"Dalam mewujudkan nilai tambah, perlunya keupayaan untuk mempunyai minda yang suka bereksperimen, iaitu minda yang suka menyiasat atau mempunyai sikap ingin tahu dan mencari alternatif.

"Minda sebegini perlu dijanakan ke arah mencapai misi golongan muda yang inginkan perubahan.

"Pemikiran inovatif dapat membantu dalam menerokai cara baharu bagi memenuhi kehendak pelanggan dan juga adalah salah satu keperluan dalam perkhidmatan awam.

Kok Wing percaya pemikiran yang kreatif perlu dilengkapi dengan keupayaan untuk menterjemahkan sesuatu wawasan kepada tindakan.

WK



MENYEMARAK semangat usaha dalam membina jati diri pemimpin muda selepas COVID-19 melanda negara.



LIM KOK WING

Pendeposit SSPN-i terima perlindungan takaful lebih RM20,000

AFIFAH AFIZAL

UNGKAPAN sediakan payung sebelum hujan perlu sentiasa diingati kerana tiada siapa dapat menduga bila seseorang itu akan terkena perkara yang tidak diingini.

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) telah menyerahkan manfaat perlindungan takaful kepada Yaziruddin Md Som sebanyak RM24,922.42 setelah disahkan mengalami keilatan kekal.

Penyerahan tersebut disempurnakan oleh Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad di kediaman penerima di Kampung Jalan Kebun, Shah Alam pada 15 April 2021.

"Yazziruddin Md Som, 60 tahun yang bekerja sebagai Pegawai Audit Dalam telah mengalami keilatan kekal menyeluruh akibat darah tinggi

pada 6 Jun 2017 yang lalu.

"Beliau merupakan pendeposit Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i) yang telah membuka akaun pada 29 Disember 2011 dan 30 Oktober 2015 untuk dua orang anak beliau," kata PTPTN dalam satu kenyataan.

Menurut PTPTN, ketika disahkan mengalami keilatan kekal menyeluruh, beliau mempunyai simpanan SSPN-i yang melayakkannya menerima manfaat perlindungan takaful.

"Inilah keistimewaan SSPN-i yang memberikan perlindungan takaful percuma secara ringgit ke Ringgit kepada pendeposit yang mempunyai simpanan RM1,000 dan ke atas sekiranya berlaku kematian/ilikat kekal menyeluruh kepada mereka.

"Selain itu, khairat kematian berjumlah RM2,000 juga diberikan sekiranya berlaku kematian atas pendeposit dan



MENTERI Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad dan Ketua Eksekutif PTPTN Ahmad Dasuki beramah mesra bersama isteri pendeposit, Puan Halimah Muhabah sebelum sesi Penyerahan Manfaat Perlindungan Takaful SSPN-i.

RM500 atas kematian penerima manfaat (anak)," menurutnya lagi. Jelas PTPTN lagi,

dengan manfaat yang diterima ini dapat membantu meringankan beban kewangan untuk menampung kelangsungan hidup beliau sekeluarga.

"Tambahan lagi, beliau telah membuat pilihan yang tepat dengan menyimpan di dalam SSPN-i bagi memastikan masa depan keluarga beliau terus terjamin," kata kenyataan tersebut.

SSPN-i turut menawarkan keistimewaan lain kepada pendeposit SSPN-i.

Antaranya adalah pelepasan taksiran cukai pendapatan ke atas simpanan sehingga RM8,000 setahun, dividen yang kompetitif, geran sepadan serta patuh syariah dan dijamin oleh Kerajaan.

Secara keseluruhan sehingga Februari 2021, sebanyak 4.86 juta akaun SSPN telah dibuka dengan deposit berjumlah RM8.28 bilion.

WK

Bakal beli pakaian, kasut dan peralatan sukan

Nora Lyana teruja miliki kad diskaun

AINI MAWAWI

ATLET boling Nora Lyana Nastasia Norkamal melahirkan rasa bertuan berpeluang mendapat kad diskaun, Team Wipers Discount Card yang membolehkan atlet di bawah Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) menikmati potongan harga pembelian alatan sukan sehingga 50 peratus.

Teruja dengan pemberian kad tersebut, Nora berkata, dia bakal memanfaatkan kad tersebut untuk pembelian barang seperti pakaian sukan dan kasut untuk sesi kecergasan di gimnasium.

"Memandangkan perkakasan boling berlainan dan tiada dalam senarai jenama yang disenaraikan dalam kad tersebut, maka saya akan berbelanja untuk barang yang berkaitan dengan sesi latihan kecergasan.

"Lagipun saya memang sudah selesa menggunakan beberapa jenama pakaian su-



NORA LYANA

kan yang tersenari dalam kad tersebut. Jadi, sudah semestinya saya bertuan kerana boleh mendapatkan dengan harga yang jauh lebih murah daripada harga di luar," ujarnya.

Tambahnya lagi, sebagai atlet Wilayah Persekutuan (WIPERS) sejak tahun 2011, dia turut berbangga mendapat tahu Team Wipers Discount Card merupakan kad pertama seumpamanya yang diwujudkan di Malaysia.

"Ini juga merupakan salah satu manfaat istimewa bergelar atlet Wilayah Persekutuan. Saya percaya rakan-rakan lain juga amat teruja memandangkan kos untuk membeli alatan sukan agak mahal," ujar juara Kejohanan Remaja Asia 2015 ini.

Bericara lanjut tentang penglibatannya dalam boling, Nora yang juga merupakan atlet boling negara turut berterima kasih kepada MSWP kerana membimbangnya sehingga berjaya tersenari sebagai pemain

Pencapaian Nora Lyana Nastasia

2018 - Kejohanan Boling Remaja Asia ABF ke-18, Macau

- Emas, 2 gangsa

2017 - Kejohanan Tertutup Malaysia

- Juara

2015 - Kejohanan Terbuka Thailand

- Juara

2014 - Terbuka Malaysia

- Juara

Instagram: @noranastasia66

Muda Sains Pengurusan Sukan, Universiti Malaya ini.

Bercita-cita untuk menyertai Persatuan Boling Profesional (PBA), atlet skuad elit kebangsaan ini berharap dapat mencurahkan segala ilmu dan pengalaman dalam bidang boling kepada atlet pelapis muda.

"In sya - Alla h suatu hari nanti saya akan bergelar jurulatih dan akan memastikan sukan boling sentiasa mempunyai atlet yang mampu mengharumkan nama negara ke peringkat antarabangsa," ujarnya yang kini sedang menjalani latihan industri di MSWP. WK



NORA bercita-cita
bergelar jurulatih
suatu hari nanti.

Atlet kebangsaan tidak boleh beralih angin sewenang-wenangnya - KOM

KESATUAN Olahraga Malaysia (KOM) tidak akan sewenang-wenangnya memberikan kebenaran kepada atlet kebangsaan untuk beralih angin daripada program sedia ada di bawah badan induk berkenaan.

Timbalan Presiden KOM **Datuk Mumtaz Jaafar** berkata mana-mana atlet olahraga kebangsaan berada dalam program atau kem latihan yang sedang berjalan tidak wajar untuk 'mengangkat kaki' tanpa sebab munasabah.

Namun, katanya KOM terlebih dahulu akan mengkaji dengan mengambil kira situasi semasa sekiranya terdapat atlet yang berhasrat untuk menjalani latihan di luar termasuk kembali ke pangkuhan bekas jurulatih masing-masing.

Mumtaz menegaskan aspek kemajuan prestasi atlet sentiasa menjadi keutamaan KOM dalam membuat sesuatu keputusan.

"Saya rasa tidak (mudah berkebenaran), kalau ada (isu) pun kita akan bekerjasama dengan semua pihak terlibat. Kalau ikutkan di negara lain tidak boleh sebab ia kem latihan," katanya pada sidang media di Wisma OCM di sini hari ini.

"Jadi, KOM tidak akan benarkan atlet suka-suka ingin bertukar jurulatih tanpa alasan yang kukuh tetapi kita juga akan tengok situasi mereka," tambah beliau yang juga Penggerusi Jawatankuasa

Kejurulatihan KOM.

Minggu lepas, dua jaguh pecut kebangsaan Khairul Hafiz Jantan dan Muhammad Haiqal Hanafi mencuri tumpuan apabila masing-masing menyatakan hasrat untuk kembali ke pangkuhan bekas jurulatih Mohd Poad Md Kassim.

Ia selepas lebih tujuh bulan kedua-dua atlet itu ditempatkan bersama semua atlet elit pecut kebangsaan di bawah Pengarah Teknikal KOM Dwayne Miller di Majlis Sukan Negara (MSN), Bukit Jalil, sejak Ogos tahun lepas.

Khairul Hafiz, 22, dan Muhammad Haiqal, 21, masing-masing menyifatkan ia sebagai langkah terbaik demi kemajuan prestasi dalam tempoh jangka panjang dengan aspek keserasian yang telah terbina menjadi faktor utama.

Bagaimanapun, KOM hari ini ber-setuju melepaskan kedua-dua pemenang pingat emas 100 meter (m) pecut Sukan SEA itu kembali bersama Mohd Poad, meskipun perancangan asalnya untuk mengekalkan mereka di Bukit Jalil sehingga Kejohanan Olahraga Terbuka Malaysia pada 11 hingga 13 Jun depan.

"Saya rasa mereka maklum apa KPI (Petunjuk Prestasi Utama) mereka. Kita sudah memenangi pingat emas 100m pecut dalam dua edisi Sukan SEA berturut-turut jadi saya rasa jurulatih Poad dan dua atlet tersebut tahu apa KPI mereka," jelas Mumtaz. - BERNAMA



MUMTAZ

Peng Soon-Liu Ying, lega kejohanan Terbuka India 2021 ditangguhkan

PASANGAN badminton beregu campuran Chan Peng Soon-Goh Liu Ying, menganggap penangguhan Terbuka India 2021 yang pada asalnya dijadualkan pada 11-16 Mei merupakan satu kelegaan bagi mereka.

Liu Ying berpandangan yang penangguhan kejohanan itu yang menawarkan mata kelayakan penting ke Olimpik Tokyo 2020 itu, tepat pada masanya dan apa yang lebih penting ialah memastikan kesihatan pemain menjadi keutamaan berikutnya peningkatan mendadak kes COVID-19 di New Delhi di mana acara itu akan berlangsung.

Pemain berusia 31 tahun itu berkata, beliau dan pasangannya Peng Soon akan menggunakan masa terluang itu untuk mendapatkan rentak mereka semula, selepas prestasi yang baik sejak awal tahun ini, namun alami kekecewaan pada separuh akhir Kejohanan All England 2021.

"Kami teruja untuk mengambil bahagian di Terbuka Malaysia kerana kami dengar pemain terbaik dari



CHAN Peng Soon (belakang) dan Goh Liu Ying.

seluruh dunia akan sertaanya dan ia akan menjadi kejohanan terbaik untuk mendapatkan mata kelayakan ke Olimpik Tokyo," katanya kepada Bernama dalam temu bual eksklusif di sini hari ini.

Terbuka Malaysia dijadualkan berlangsung dari 25-30 Mei manakala Terbuka Singapura 2021 pada 1-6 Jun.

Pemain berasal dari Pulau Pinang berusia 32 tahun itu percaya mereka boleh mengelakkan daripada memberikan mata mudah kepada lawan, jika mereka dapat meningkatkan tahap kecergasan mereka.

Pada masa yang sama, Lui

Ying mengakui yang beliau rasa tidak selesa dan pening pada tiga hari pertama selepas menerima suntikan pertama vaksin COVID-19 menerusi Program Imuninas COVID-19. Kebangsaan minggu lepas, manakala Peng Soon berkata, vaksin itu tidak memberikan sebarang kesan terhadap tubuhnya.

Pemenang pingat perak Rio 2016 itu berharap yang mereka juga akan dapat menghadapi suntikan kedua, kerana mereka dengan yang kesannya lebih kuat daripada yang pertama, yang dijangka akan diterima dalam tempoh tiga minggu dari sekarang. - BERNAMA

Santhara lakukan lawatan ke Rumah Ibadat Bukan Islam

TIMBALAN Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Santhara telah mengadakan lawatan ke Kuil Sri Maha Muniswaran Jalan Berembang Batu 3 1/2 Ampang, Kuala Lumpur pada Selasa.

Beliau yang juga Penggerusi Jawatankuasa Eksekutif Rumah Ibadat Bukan Islam Wilayah Persekutuan (JKE RIBI) dalam rangka lawatan kerja ke rumah ibadat di Kuala Lumpur sedang dalam usaha untuk menyel-

esaikan status tanah kuil ini akan dibincangkan dalam mesyuarat JKE RIBI yang akan datang.

Hadir sama, Ketua Penolong Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Hisham Zulkifli PTG KL, Pengurus Kawasan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) Parlimen Titiwangsa, Mohd Yushanizar Md Yusoff dan Penggerusi Kuil Vejentheran.

Pada 14 April lalu, Santhara berkata sebanyak

115 kuil dan tokong di ibu kota dikenalpasti dibangunkan di atas tanah kerajaan secara tidak sah

“Daripada jumlah itu, sebanyak lapan buah kuil telah di berikan surat tawaran pendudukan tetap. Manakala daripada 107 baki tersebut, 56 buah Kuil dan Tokong telah dikenalpasti sebagai RIBI dan memerlukan tindakan segera termasuklah berpindah kerana kawasan tersebut akan dibangunkan,” katanya. **WK**



SANTHARA (kanan) berbincang dengan Hisham semasa lawatan ke Kuil Sri Maha Muniswaran pada Selasa.

Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040

Kurangkan kesesakan lalu lintas



YU Chuan Hock (kanan) ketika ditemui bual dalam program bual bicara Diskusi KL terbitan Wilayahku pada Jumaat minggu lepas.

SABRINA SABRE

PELAN Struktur Kuala Lumpur 2040 merupakan pelan yang disediakan oleh Dewan Bandara Kuala Lumpur (DBKL) bagi mengawasi pembangunan bandar pada 20 tahun akan datang.

Menurut Pengarah Jabatan Pengangkutan Bandar (DBKL), **Yu Chuan Hock**, pelan tersebut merangkumi perancangan dan pembangunan bandar.

“Ia bagi menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas dan juga memperbaiki sistem jalan raya yang sedia ada.

“DBKL juga sedang membangunkan Rancangan

Pelan Induk Lalu Lintas 2040 serentak dengan Pelan Induk Tempatan,” katanya dalam program Diskusi KL terbitan Studio Wilayahku pada Jumaat.

Isu utama di Kuala Lumpur pada masa kini adalah melibatkan kesesakan lalu lintas dan beberapa langkah perlu diambil dalam usaha bagi memastikan matlamat menjadikan Kuala Lumpur sebagai sebuah bandar raya cekap mobiliti dan mesra alam dapat terlaksana.

Tambahnya DBKL juga membiayai dan menyediakan satu mod perkhemahan bas percuma GOKL.

“Sehingga kini ada sembilan landasan untuk perkhemahan ini. Empat

laluan batuan akhir plasma untuk memudahkan pergerakan laluan awam dan juga mengurangkan penggunaan kereta persendirian di dalam kawasan pusat bandar.

“Manakala lima laluan lain berfungsi sebagai bas pengantara dari kawasan perumahan yang berkepadatan tinggi ke stesen transit yang terdekat,” ujar Yu mengenai laluan bas GOKL.

Ujar Chuan Hock kerajaan perlu melabur sekiranya inginkan aliran trafik seperti di Kota London dan perkhemahan bas GOKL merupakan langkah pertama oleh DBKL untuk menggalakkan warga kota menggunakan pengangkutan awam. **WK**

IKLANKAN PERNIAGAAN ANDA BERSAMA

wilayah Ku
MEDIA WARGA KOTA

KADAR HARGA IKLAN [AKHBAR]

FULL PAGE		26cm X 33cm	RM7,500
HALF PAGE		26cm X 17cm	RM5,500
QUARTER PAGE		12cm X 17cm	RM4,500
PANEL PAGE [INNER]		26cm X 6cm	RM4,500

KADAR HARGA IKLAN [PORTAL ONLINE]

	FRONT BANNER 1080px X 96px	RM2,500
	MIDDLE BANNER 1080px X 280px	RM2,000
	MEDIUM RECTANGULAR 350px X 280px	RM1,500
	HALF PAGE 350px X 500px	RM1,000

50,000 naskhab akhbar WILAYAHKU diedarkan secara PERCUMA setiap minggu di lebih 300 lokasi strategik seperti di stesen komuter/MRT/LRT, hotel, pasar raya, pejabat-pejabat kerajaan dan lain-lain di seluruh Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

BERMINAT?

Untuk khidmat rundingan pengiklanan sila hubungi:

012-208 6354 (V. KUMAR VEERAN)

Pengurus Pengiklanan

011-1069 2962 (ZUHAIRI)

Eksekutif Jualan dan Pemasaran

03-8861 5260 (PEJABAT)

Alamat:

Aras 9, Blok 1,
Menara Seri Wilayah,
62100 Putrajaya.



Isu status pemilikan tanah Convent Bukit Nanas

Annuar ingin bertemu pihak pengurusan sekolah

AZLAN ZAMBRY

KECHO di media sosial khususnya Twitter berkaitan tanah sekolah Convent Bukit Nanas (CBN) membuatkan Menteri Wilayah Persekutuan Tan Sri TPr Annuar Musa ingin bertemu dengan pihak pengurusan sekolah mubaligh.

Annuar berkata beliau ingin bertemu dengan 'Convent Bukit Nanas Sisters' untuk mengetahui apa yang boleh dilakukan untuk membantu pihak sekolah mubaligh.

Menurut beliau, isu berkaitan sekolah ikonik tersebut tidak pernah dirujuk kepadanya dan dia akan berusaha untuk mendapatkan lebih banyak maklumat mengenai perkara itu.

"Saya secara peribadi berpendapat bahawa CBN tidak boleh disentuh dan harus dibenarkan untuk terus beroperasi."

"Isu pemilikan tanah adalah sesuatu yang dapat kita bincangkan. Saya ingin bertemu dengan pihak pengurusan dan mendengarkan untuk mengetahui lebih lanjut."

"Isu CBN, yang kini ada dalam ber-



MENTERI Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa secara peribadi mahu Convent Bukit Nanas dibenarkan untuk terus beroperasi.

ita, belum pernah dirujuk kepada saya, walaupun di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur kerana semua urusan tanah persekutuan berada di bawah Kementerian Tenaga dan Sumber Asli serta Ketua Setiausaha Negara di bawah Pejabat Perdana Menteri.

"Saya juga meminta pengarah Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan (PPTGWP) maklumat lebih lanjut mengenai latar belakang perkara itu dan laporan status mengenai isu CBN," kata Annuar dipetik daripada The Star pada Rabu.

Annuar mengulas isu CBN yang menjadi berita selepas kerajaan memutuskan untuk tidak memperbarui sewa tanahnya.

Sekolah mubaligh berusia 122 tahun itu selama ini dikendalikan oleh pemiliknya di Lembaga Sekolah Lady Superior dari Persatuan Saint Maur.

Sebelum itu, Pengarah PPTGWP Datuk Muhammad Yasir mengatakan bahawa CBN tidak akan dirobohkan setelah pajakannya habis dan tanah itu akan diserahkan kembali kepada kerajaan. WK

bubur lambuk Kampung Baru, Pengurus Masjid Jamek Kampung Baru, Datuk Mohd Khay Ibrahim berkata tiada rahsia tertentu di dalam penyediaannya.

"Kami menggunakan resipi turun-temurun dan tidak pernah merahsiakan bahan yang digunakan. Mungkin juga keberkatan bersedekah kepada orang ramai membuatkan ia rasa sedap," katanya.

Pada masa yang sama, Mohd Khay juga yakin masyarakat boleh mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan sepanjang proses pengagihan dilaksanakan nanti. WK



3,000 bungkus bubur lambuk Kampung Baru diedarkan kepada orang ramai setiap hari. - Foto Amin Farid Hasan

Berkat sedekah jadikan bubur lambuk sedap

SABRINA SABRE

BUBUR Lambuk Kampung Baru yang terkenal dengan resipi turun-temurun sejak 110 tahun lalu dihasilkan sebanyak 3,000 bungkus sehari sepanjang Ramadan ini.

Ketua chef bubur lambuk Kampung Baru, **Adam Abdul Manan** berkata mereka akan memasak sebanyak 15 periuk setiap hari.

"Kebiasaan kami, untuk satu periuk kami akan peroleh sehingga 190 bungkus bubur lambuk dan kami akan menggunakan 15 kilogram beras bagi setiap periuk," ujarnya.

Menceritakan keenakan

Ramadan Prihatin: Lagenda rock bantu insan memerlukan

DEEL ANJER

BULAN keberkatan Ramadan terus diimarahkan dengan pemberian sumbangan dan bantuan daripada Misi Kemanusiaan Sayap-Sayap Wings 2021 yang dilancarkan penyanyi rock legenda, Datuk Awie.

Beliau tampil menghulurkan bantuan kepada golongan yang banyak membantu kerjaya Wings selama ini iaitu bekas pegawai perhubungan awam, termasuk pengamal media yang kurang bernasib baik seperti sakit dan hilang pekerjaan.

Sumbangan berbentuk wang tunai dan barang keperluan harian itu disampaikan Awie dan kumpulannya, Wings menerusi program Misi Kemanusiaan Sayap-Sayap Wings 2021 yang berlangsung di Damai @KLCC, Ampang, baru-baru ini.

"Saya anggap mereka adalah teman seperjuangan yang sedikit sebanyak pernah menghulurkan jasa membantu menaikkan kami kumpulan Wings."

"Walaupun jumlah ini tidaklah banyak, tapi kami berusaha gigih melakukannya sebagai tanda terima kasih buat mereka yang sudah membantu Wings berdiri selama 36 tahun dalam industri," jelasnya.

Menurut Awie atau nama sebenarnya **Ahmad Azhar Othman**, 52, misi kemanusiaan atau kerja amal ini sudah lama dilakukannya bersama Wings walaupun tidak semuanya dihebahkan kepada pihak media.

"Acara kali ini sebenarnya ketulian saya nak buat aqiqah dan berendoi anak keenam, Putra Ahmad Andeeka dan terfikir juga ingin membantu 18 individu terdiri dari kalangan pegawai



AWIE beramah mesra dengan anak-anak tahfiz sempena Misi Kemanusiaan Sayap-Sayap Wings 2021.

perhubungan awam dan media yang pernah membantu perjalanan kerjaya saya dan Wings dalam industri.

"Program kemasyarakatan ini juga hasil kerjasama Sayap-Sayap

Dalam masa yang sama, Awie berharap orang ramai sentiasa mendoaan kesihatannya agar dapat terus berbakti kepada masyarakat.

"Saya minta tolong doakan terus supaya saya sentiasa diberikan kesihatan yang baik dan kudrat yang besar untuk menjayakan misi ini selalu. Kalau mampu diteruskan lebih 20 tahun pun, rasanya saya sedia nak buat lagi."

"Dulu, saya sering buat secara diam-diam. Alhamdulillah, saya kini ada menjaga sebuah rumah anak yatim dikenali Rumah Penyayang Nur Iman di Taman Ibukota, Setapak."

"Setiap tahun, saya memang akan bantu pihak pengurusan rumah anak yatim itu. Cuma, kali ini saya tiba-tiba terfikir mahu membuka peluang bantuan kepada orang lain lebih memerlukan," tambahnya. WK

Lahir di Magetan, 17 Januari 1989. Karya puisinya pernah dimuat di 63 media massa, antara lain Horison, Media Indonesia, Indopos, Suara Merdeka, Pikiran Rakyat, Basis, Sinar Harapan, Riau Pos, Banjarmasin Post, Lampung Pos, SoloPos, Suara Karya, Bali Post, Tanjungpinang Pos, Minggu Pagi, Sumut Pos, Bangka Pos, Malang Pos, Sagang, Joglosemar, Radar Bojonegoro, Radar Surabaya, Radar Bekasi, Radar Cirebon, Fajar Makasar, Harian Rakyat Sultra, Kabar Madura, Radar Banjarmasin, Persada Sastra, Rakyat Sumbar, Swara Nasional, Bangka Belitung Pos, Ogan Ilir Ekspres, Haluan, Koran Madura, Medan Bisnis, Mata Banua,

INDUK PARA AWAN

akhirnya ia tak kuasa menahan beban menurunkan keresahan berupa tetesan melepaskan rintik, hingga dentuman anak-anak air yang turun dari kayangan

ia bergegas menuju luasnya pelukan pada tanah, menumbuhkan harapan meredakan warna sendu sang abu-abu berangsur memutih, pada langit biru

ternyata ia sedang sekutu tenaga mencegah matahari membakar anak-anaknya menjadi mega-mega jingga pada senja temaram di punggung lautan tak tersisa.



KINANTHI ANGGRAINI

Metro Riau, Pos Bali, Ekspresi, Bong-Ang, MPA, Hayati, Puailiggoubat, Cakrawala, Suara NTB, Duta Selaparang, Jurnal Masterpoem Indonesia, Fajar Makasar, Fajar Sumatera, Jurnal Kopi dan Majalah Puisi Pedia.

WANITA DAN ANTARIKSA

ia masih memintal gumpalan awan di sela dahan dan beralas dedaunan menarik benang udara satu semi satu sambil merayu datangnya warna biru

sese kali sayup terdengar nyanyian di sela rongga jarum dalam jahitan sembari mengemas jejak pasir laut tersapu kaki ombak, datang bergiliran

tak lupa, ia menempelkan manik-manik dari bintang yang berkelipl serupa rintik berharap nantinya membawa cahaya menempel di langit serupa permata

sembari menyelesaikan pintalan ada sepucuk surat ia selipkan pada punggung gagah sang awan teruntuk purnaman bulan nan rupawan

juga salam teruntuk sang fajar yang telah berpesan senja untuk bersabar menanti selesainya awan di terbangkan membawakan malam bermacam hiasan.

AKU TIDAK PULANG

Untuk kali ini
Aku tidak pulang
Sambut Tahun Baharu Cina
Menjengah indah desa
Merindui keluarga tercinta
Seperti tradisi tahun sebelum
Penuh gema ceria
Hilai tawa berseri

Untuk kali ini
Tiada 'yik sang lagi
Tiada makan besar lagi
Tiada kumpul ramai lagi
Tiada tarian singa lagi
Tiada ang pau lagi
Sesungguhnya tiada meriah lagi

Untuk ke sekian kali
Yang ada hanya SOP tegas
Tidak pernah mengajak aku
pulang.

OUI BIN SAL
Tanah Merah, Kelantan.

KEPADA ARI NENDRA

mungkin terlalu berlebihan jika saat merindumu aku harus terjaga berharap sesak ini sampai kepadamu bersela angin dan dengkur burung hantu

sulit rasanya percaya berjam-jam hanya memikirkan dirinya hingga mata pedas dan sakit kepala belum rela terpejam mempususnya

ternyata sesulit ini rasa naif yang berulang kacau jantungku dikuasai magis begitu hebat sungguh rasa dadaku terlanjur berkarat

meskipun tak pasti kuketahui akan berhasil mengirim pesan aroma cinta pada doa dan punggung celah jendela berharap mengetuk, tanpa berpaling muka.

Prestasi lain yang diraihnya yaitu menjadi Juara 1 Puisi Terbaik pilihan Gerbang Sastra, Bali (2014). Buku puisi tunggalnya yang telah terbit berjudul Mata Elang Biru (Pustaka Puitika, 2014) dan Buku yang berjudul Pelajaran Kincir Angin (Buku Katta, 2017).

Melukis dan Menggambar

Melukis hujan di bola matamu Sungguh diri ini tiada tega Biarlah pelangi saja digambar Di lengkungan pandangan harapmu Sekian waktu kita lewati bersama

25 September 2020-2021

Lintasi Malam

Malam kian sunyi Melintasinya penuh debar Antara merinding, mendingin, dan mengerang

Mata pun membaca tanda waktu Berseliweran dalam perjalanan ini Hingga memantik semangat Untuk meneguhkan jiwa dan menjinakkan debar dada Terfokus pada kemahabesaran-Mu, Rabbi Agar diri sampai pada tujuan yang diinginkan

9 September 2020-2021

Gelora Kepadamu

Serasa gelora membacamu Pecahkan tebing-tebing air Di hembasan kian laju Tiada henti bahkan menerobos Kerinduan nan buncah Hadirkan butiran bening Sentuh perasaan

Inilah dirinya Sang waktu kian berbenah diri Agar kembali pada-Mu Penuh wajah berseri Dan ikhlas hati

26 Agustus 2020-2021

Kepasrahan

Kepada sang pemilik Kami serahkan milik ini Tanpa ada tendesius Biar terus berembus Bersama angin membawanya Ke buana lillahi ta'ala

SARIFUDIN KOJEH
Bumi Lelabi Putih,
11 Agustus 2020-2021

POTRET DI MUSIM BUNGA

Ruang menjadi pelangi rona rona kembang mekar menjadi damai yang tenang angin pun membawa rindu kami pun melukis bahagia. Bunga bunga waktu bagi karya indahnya potret kota dalam hamparan seni ada makna dan erti anugerah untuk pertiwi. Bila musim bunga hadir mimpi pun menjadi cinta berhimpunlah rindu kita.

SOLIHIN OSMAN
Dangau Seni, Kangar.

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

- Pertandingan ini terbuka kepada individu yang lahir atau menetap di Sabah, Wilayah Persekutuan Labuan dan Brunei Darussalam sahaja.
- Peserta mestilah berumur 18 tahun ke atas pada atau sebelum tarikh tutup penyertaan.
- Puisi yang dihasilkan mestilah sesuai dengan tema Ramadan dan tidak menyentuh sensitiviti mana-mana kaum, kepercayaan atau agama.
- Setiap peserta dibenarkan menghantar tidak melebihi dua buah puisi sahaja.
- Puisi yang dihantar mestilah bertaip dengan jarak langkah dua baris dan jenis tulisan Arial fon bersaiz 12. Karya puisi mestilah disimpan dalam dua (2) format, iaitu format .pdf (Adobe) dan .doc (Microsoft Word).
- Panjang teks puisi tidak melebihi 20 baris.
- Puisi yang dihantar mestilah karya asli, bukan saduran, adaptasi, penyesuaian atau apa-apa sahaja yang boleh membawa pengertian karya itu bukan karya asli. Puisi yang dihantar juga mestilah belum pernah tersiar atau diterbitkan oleh mana-pihak.
- Sekiranya puisi yang dihantar melanggar mana-mana syarat, penyertaan akan dibatalkan dan jika telah memenangi pertandingan ini, maka hadiah tersebut terbatas dengan sendirinya dan hadiah perlu dikembalikan kepada pihak pengajur.
- Puisi yang dihantar bagi tujuan pertandingan ini tidak boleh diterbitkan dan menjadi hak milik DBP sepanjang pertandingan berlangsung.
- Puisi yang memenangi hadiah

boleh dipertimbangkan untuk disiarkan dalam majalah atau buku sebagai karya antologi terbitan DBP. DBP juga boleh menerbitkannya dalam sebarang bentuk lain tanpa perlu berbincang dengan peserta.

11. Keputusan panel hakim adalah muktamad.

12. Peserta mestilah mengisi borang penyertaan secara dalam talian terlebih dahulu sebelum menghantar karya (berserta nama peserta) ke e-mel: sayembarapuisidbpcs@gmail.com.

13. Pertandingan ini bermula pada 20 April 2021. Tarikh tutup pertandingan adalah pada 7 Mei 2021.

14. Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Unit Pengembangan Bahasa dan Sastera, DBP Cawangan Sabah melalui telefon: 088-439260 atau e-mel: sayembarapuisidbpcs@gmail.com.

Sayembara Penulisan Puisi Ramadan

Terbuka kepada individu yang lahir atau menetap di Sabah, Wilayah Persekutuan Labuan dan Brunei Darussalam sahaja.

Hadiiah wang tunai RM500.00 menanti 10 orang pemenang!

Tarikh tutup penyertaan: 7 Mei 2021



 sayembarapuisidbpcs@gmail.com

 @DBPMalaysia